

## BAB III

### Dasar dan proses Siamisasi Keturunan Melayu

#### Dasar Siamisasi melalui pendidikan

Negeri Patani adalah sebuah negeri yang pernah menjadi pusat pendidikan Islam yang terkenal. Kemasyhuran negeri Patani bukan sahaja terdapat dalam catatan orang asing, malah pihak kerajaan Siam sendiripun tidak menafikannya. Seperti terdapat dalam catatan Chao Phraya Jomrat yang berbunyi :

*" Dalam Monthon Patani ini terkenal di kalangan semua orang Melayu bahawa ia menjadi Pusat Pendidikan ataupun mempunyai Ulama- Ulama, yang alim dalam bidang agama. Terdapat ibubapa menghantar anak - anak mereka belajar dan menjadi Murid kepada Tok Haji dengan jumlah ratusan orang dalam setahun seperti orang Melayu dari Bangkok, Kelantan, Kedah, Perak dalam Jajahan British dan juga datang dari Negeri-Negeri lain! "*

Pendidikan agam Islam di negeri Patani merupakan pendidikan dalam bentuk "*Pondok*" seperti juga pondok tradisional yang masih terdapat di negeri pantai timur di Semenanjung. Terdapat banyak jumlah pondok-pondok di negeri Patani pada tahun 1910-an. Mengikut bancian sekolah swasta atau yang dikenali semasa itu sebagai "*Rongrian Buk-khon*", kemungkinan termasuk juga pondok-pondok dan balaisah-balaisah yang mengajar agama sehingga jumlahnya sebanyak 479 buah.<sup>2</sup>

seorang Pelajar tahun akhir dalam bidang Sebaran Am di Sokhothai Thammathirat Open University.

Laporan Phraya Jomrat yang telah menyeliaikan pentadbiran Monthon Patani kepada Raja Rama VI, Surat no. 2/1462 bertarikh 21 Jun 1933, Dokumen Rama VI 4.22/14, National Archives, Bangkok

Laporan Pejabat Pendidikan Monthon Patani kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negara tahun 1916 Surat No. 27/377 bertarikh 31 Ogos 1917, Dokumen Rama VI No. So.Tho. 44/20, National Archives, Bangkok

Dasar Siamisasi di dalam bidang pendidikan adalah bidang terpenting yang dapat menyatupadukan kelompok keturunan Melayu dengan kelompok keturunan Thai yang menjadi kelompok majoriti di Thailand. Nopadol Rojana-Udomsat,<sup>3</sup> menjelaskan pengurusan pendidikan dan pentadbiran telah menjadi sebahagian dari dayausaha kerajaan Thailand untuk menjalankan dasar Siamisasi di kalangan keturunan Melayu di Selatan Thailand. Nantawan Haemindra<sup>4</sup> mengatakan, kerajaan telah berusaha menjalankan Siamisasi melalui pendidikan.

Kerajaan Thailand memainkan peranan penting dalam menjalankan dasar Siamisasi melalui 2 perkara iaitu:

Pertama, penubuhan sekolah – sekolah kerajaan dan pengembangan pendidikan Siam ke seluruh wilayah – wilayah di Selatan Thailand

Kedua, pengubahan dan pengawalan sekolah – sekolah agama atau pondok –pondok.

#### **Penubuhan sekolah –sekolah kerajaan dan pengembangannya**

Raja Rama V mulai menjalankan pengembangan pendidikan Siam ke kawasan – kawasan di luar Kota Bangkok pada tahun 1868 dengan membuat pengistiharan pengurusan pendidikan bagi negeri–negeri yang berstatus “ *Vassal*

<sup>3</sup> Nopadol Rojana-Udomsat, *Problem of Educational Administration in Monthon Pattani ( B.E. 2449- 2474 )*, Tesis M.A., Srinakharinwirot University, Bangkok, 1980

<sup>4</sup> Nantawan Haemindra, *Problem of Thai – Muslim in Southern Thailand ( Part I )* in *Journal of Southeast Asian*

*States*” pada 11 November 1868. Orang yang bertanggungjawab dalam pengurusan ini ialah Prince Wachirayanwaroros dan beliau melantik ketua-ketua Sami sebagai pengarah pendidikan untuk menyelia pendidikan di kawasan masing-masing. Bagi kawasan negeri – negeri Melayu Patani atau “*Boriwen Jed Hua Muang*” berada di bawah seliaan seorang Sami yang bernama Phra Siritharmuni. Sami tersebut adalah pengarah pendidikan Monthon Ligor yang mempunyai pusat pentadbirannya di Senggora. Seterusnya beliau dilantik menjadi pengarah pendidikan bagi negeri – negeri Melayu Patani yang berada di bawah Monthon Ligor.

Dalam tahun 1899 Phra Siritharmuni telah berjaya menubuhkan 2 buah sekolah Siam. Pertama ialah “*Rongrian Petchranukulkij*” terletak di kuil Buddha yang bernama *Wad Mujlinhawapivihara* di Negeri Nongchik dengan mempunyai murid sebanyak 35 orang. Sekolah kedua ialah “*Rongrian Sunthornwittayathan*” terletak di kuil Buddha yang bernama *Wad Tani Norasamoosorn* di negeri Patani dengan mempunyai murid sebanyak 20 orang.<sup>4</sup> Kemudian pada tahun 1901 ditubuhkan lagi 2 buah sekolah Siam iaitu sebuah di kuil Buddha yang bernama *Wad Ok* di negeri Jering dengan mempunyai murid sebanyak 14 orang dan sebuah lagi terletak di kuil Buddha yang bernama *Wad Sakhki* di Negeri Sai dengan mempunyai murid sebanyak 18 orang.

Dalam negeri – negeri Melayu Patani pada tahun 1898-1906 terdapat 4 buah sekolah kerajaan Siam. Pada tahun 1903 sekolah Siam yang terletak di *Wad Tani Norasamoosorn* telah dibubarkan. Pembubarannya ekoran dari sekolah tersebut tiada guru yang berkecukupan. Kemudian pada tahun 1905 Phra Ramrithirong, pesuruhjaya negeri – negeri Melayu Patani semasa itu bersama Phra Khru Pipatsomnakij, ketua Sami bagi negeri Patani telah bersetuju menubuhkan sekolah – sekolah di negeri Patani sekali lagi. Sekolah ini terletak di sebuah tempat rehat tepi sungai depan *Wad Tani Norasamoosorn* dan mulai beroperasi pada 1 Februari 1906. Penubuhan sekolah ini berbeza dari sekolah sebelumnya. Di sekolah ini terdapat guru keturunan Thai dan guru keturunan Melayu. Pada peringkat permulaan, sekolah ini mempunyai murid sebanyak 39 orang termasuk murid-murid keturunan Melayu. Sekolah ini boleh dianggap sebagai sekolah pertama dalam sejarah Patani dimana murid-murid Melayu mengikuti pengajaran pendidikan Siam. Juga kemunculan seorang guru keturunan Melayu pertama yang bernama “*Ku Haji*<sup>5</sup>” dalam sejarah pendidikan Siam.

Bagaimanapun penduduk keturunan Melayu tidak menggalakkan anak – anak mereka belajar di sekolah – sekolah kerajaan Siam. Kerana sekolah – sekolah tersebut terletak dalam kuil Buddha yang tidak sesuai bagi seseorang yang beragama Islam. Berdasarkan faktor tersebut jumlah murid di sekolah – sekolah itu merosot. Sekolah di *Wad Tani Norasamoosorn* pada tahun 1905 mempunyai murid sebanyak 55 orang tetapi pada tahun 1907 jumlah murid menurun kepada 22 orang.

<sup>5</sup> Nama sebenar Ku Haji belum lagi diketahui. Beliau berasal dari keluarga Diraja Patani.

Sekolah di *Wad Mujlinthawapivihara* pada tahun 1905 mempunyai murid sebanyak 64 orang tetapi pada tahun 1907 jumlah murid menurun kepada 56 orang. Dalam tahun 1908 pihak Kementerian Pendidikan Siam telah menyerahkan kuasa pentadbiran pendidikan kepada pesuruhjaya Monthon masing-masing. Dengan penyerahan kuasa tersebut membolehkan pihak pesuruhjaya Monthon mengembangkan pendidikan Siam secara tersendiri. Beberapa taktik telah dilakukan untuk memperdayakan penduduk Melayu supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Siam. Dalam tahun 1909 pihak Siam berjaya menubuhkan sebuah lagi sekolah kerajaan pada tahun tersebut Monthon Patani mempunyai murid-murid sebanyak 319 orang dari 3 buah sekolahnya. Sekolah-sekolah agama atau pondok-pondok sering dipandang negatif oleh kerajaan Siam. Buktinya dalam musyuarat bahagian pendidikan Monthon (*Thesaphibal*) pada 23 September 1910<sup>6</sup> terdapat laporan dari Monthon Patani yang mengesyorkan supaya pendidikan Siam diserapkan ke pondok-pondok yang mengajar agama seterusnya mengurangkan jumlah pondok-pondok tersebut, tetapi pendapat ini ditolak oleh Prince Damrong Rajanubhap. Beliau lebih berminat melakukan dasar Siamisasi secara bertolak ansur.

Di awal zaman Raja Rama VI (1910-1921) Dasar Siamisasi tidak berjalan dengan lancar, kerana penduduk Melayu masih enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Siam. Asas pendidikan Siam di Monthon Patani berbeza dari Monthon-Monthon lain. Bagi Monthon - Monthon yang

<sup>6</sup> Laporan musyuarat bahagian Pendidikan Monthon (*Thesaphibal*) bertarikh 23 September 1910

penduduknya dominan keturunan Thai, tujuan pendidikan adalah supaya penduduk dapat menulis dan membaca. Tetapi di Monthon Patani mamadai penduduk Melayu dapat bertutur dalam bahasa Thai. Disebabkan keengganan penduduk Melayu belajar di sekolah – sekolah Siam, pihak Phraya Dechanuchit, pesuruhjaya Monthon Patani pada tahun 1906 – 1923 telah mengesyorkan supaya pihak kerajaan Siam mengeluarkan satu undang – undang memaksa ibu bapa dari kalangan penduduk Melayu supaya menghantar anak – anak mereka ke sekolah – sekolah Siam.

Semasa Prince Damrong Rajanubhap mengadakan lawatan ke Monthon Patani pada bulan Mei 1912, beliau telah menekankan bahawa dasar Siamisasi perlu dijalankan supaya anak – anak keturunan Melayu di Monthon Patani berminat dalam pertuturan bahasa Thai seperti anak – anak keturunan Mon di Mukim Pak Kled dan Mukim Pak Lad di pinggir Kota Bangkok yang mereka lebih minat berbahasa Thai daripada bahasa ibunda (bahasa Mon).<sup>7</sup>

Salah satu dari dasar Siamisasi iaitu kerajaan Siam telah memaksa supaya sekolah – sekolah agama atau pondok – pondok dan surau – surau mengadakan pengajian bahasa Thai. Oleh kerana tiada guru keturunan Melayu yang berkelayakan untuk mengajar bahasa Thai, guru-guru tersebut terpaksa dipilih dari keturunan Thai yang beragama Buddha. Dasar ini dijalankan sekitar tahun 1910-1912 dan ia menimbulkan kemarahan di kalangan penduduk keturunan Melayu sehingga

Dokumen Rama V No. So. Tho. 42/8, National Archives, Bangkok.

<sup>7</sup> Laporan Kementerian Pendidikan No. 4 tahun 1911, Kementerian Pendidikan, Bangkok Muka 88

terhentinya dasar tersebut. Sekolah – sekolah yang terlibat dalam pengajaran bahasa Thai ini terdiri dari 3 buah sahaja.

Pendapat yang mengesyorkan pihak kerajaan Siam mengistiharkan undang – undang supaya memaksa anak – anak penduduk keturunan Melayu belajar bahasa Thai itu tercatat dalam laporan pendidikan Monthon Patani pada tahun 1917, 1918 dan 1919. Pendapat Phraya Dechanuchit itu berjaya dilaksanakan pada tahun 1921.<sup>8</sup> Setelah Jeneral Leftenan Prince Khamrob, ketua polis negara Siam mengesyorkan kepada Raja Rama VI supaya mengistiharkan undang – undang pendidikan Siam untuk memaksa keturunan Melayu menghantar anak – anak ke sekolah- sekolah Siam. Alasannya anak-anak tersebut apabila menyertai tentera Siam amat susah untuk dilatih mereka kerana mereka tidak boleh berbahasa Thai.<sup>8</sup> Dengan itu lahirlah Undang – Undang Pendidikan Sekolah Rendah tahun 1921 dan undang – undang ini dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1921.

### **Undang – Undang pendidikan sekolah rendah tahun 1921**

Dalam Undang – Undang ini terdapat beberapa isi kandungan yang penting seperti berikut:<sup>9</sup>

1. Sekolah – sekolah di bawah Undang – Undang ini tertakluk kepada 3 jenis iaitu:

pertama, ialah sekolah kerajaan, penubuhannya dari biayaan pihak kerajaan

<sup>8</sup> Undang – Undang Pendidikan Sekolah Rendah, Jeneral Leftenan Prince Khamrob meminta pendapat Raja Rama VI bertarikh 7 September 1920, Dokumen Rar... VI No. So. 2/5, National Archives, Bangkok.

<sup>9</sup> Nopadol Rojana-Udomsat, Op.cit. Muka 58-60

Kedua, ialah sekolah rakyat atau sekolah *Prachabal*, penubuhannya dari biayaan masyarakat tempatan dan

Ketiga, ialah sekolah swasta.

2. Ana-anak yang berumur di antara 7-14 tahun diwajibkan belajar di sekolah-sekolah rendah. Sekiranya belum lagi boleh membaca dan menulis mesti belajar sehingga boleh membaca dan menulis.

3. Mesti belajar sekurang-kurangnya 800 jam dalam masa setahun dan tidak boleh mengambil cuti sekolah selama 30 hari berturut-turut dengan alasan tidak munasabah.

4. Pegawai Daerah mesti membuat bancian anak-anak yang sudah mencukupi umur mengikut undang-undang ini dan menyerahkan nama-nama tersebut kepada pihak guru besar sekolah dan ibu bapa anak-anak itu sebelum memasuki penggal pertama.

5. Perlantikan penyelia pendidikan untuk mengawal anak-anak yang tidak belajar mengikut undang-undang ini.

6. Ibu bapa mesti mendaftarkan nama anak-anak mereka yang mencukupi umur di Pejabat Daerah. Jika tidak didaftarkan, mereka akan didenda sebanyak 12 Baht. Jika ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka (ibu bapa) belajar setelah mendapat surat amaran akan didenda dengan tidak melebihi dari 50 Baht. Setelah didenda tetapi masih enggan menghantar anak-anaknya belajar lagi, akan didenda

tidak melebihi dari 100 Baht atau dipenjara tidak melebihi dari 10 hari atau kedua-duanya.

Setelah Undang-Undang Pendidikan Sekolah Rendah tahun 1921 dikuatkuasakan, jumlah pelajar-pelajar di Monthon Patani bertambah secara mendadak seperti berikut:

**Jadual 6. Jumlah pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kerajaan dan Prachabal dalam Monthon Patani pada tahun 1922**

Jenis sekolah	darjah 1	darjah 2	darjah 3	darjah 4	darjah 5	Jumlah
kerajaan	1,091	274	120	23	20	1,528
prachabal	9,223	469	96	9	4	9,801
	10,314	743	216	32	24	11,329

Mengikut Undang-Undang tersebut pelajar-pelajar yang tidak mengikuti pelajaran atau bercuti selama 30 hari berturut-turut akan didenda. Terdapat di kalangan ibu bapa pelajar-pelajar Melayu itu mengarahkan anak-anak mereka belajar 1-2 hari seterusnya bercuti selama 28-29 hari dan selepas itu kembali belajar lagi selama 1-2 hari. Mereka melakukan seperti itu sehingga peristiwa tersebut dibincangkan dalam mesyuarat gubernor-governor di Monthon Patani. Pihak pejabat pendidikan Monthon Patani telah memberi penjelasan bahawa peristiwa ini boleh

diambil tindakan undang-undang. Kerana ia bercanggah dengan peraturan yang mewajibkan pelajar-pelajar tersebut belajar tidak kurang dari 800 jam atau 160 hari dalam satu tahun.<sup>10</sup>

Kerajaan Siam mengambil guru-guru Melayu untuk mengajar bahasa Melayu di sekolah-sekolah kerajaan supaya anak-anak penduduk Melayu memasuki sekolah-sekolah tersebut. Setelah Raja Rama VI menjadi Raja Siam maka pada tahun 1929, sekolah kerajaan Siam telah mulai menerima pelajar perempuan Melayu. Mengikut peraturan pengajaran bahasa Melayu di sekolah *Prachabal* ialah mukim yang mempunyai penduduk keseluruhannya adalah keturunan Melayu akan diajar bahasa Melayu darjah 1 selama 5 jam seminggu, darjah 2 sebanyak 2 kam seminggu dan darjah 3 sebanyak 1 kam seminggu.

Pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah *Prachabal* telah dimansuhkan bersama dengan pembubaran Monthon Patani iaitu pada tahun 1933. Kemudian pengajaran bahasa Melayu dimulai sekali lagi di sekolah-sekolah *Prachabal* dan sekolah di bandar – bandar pada tahun 1947 kemudian dimansuhkan lagi pada tahun 1951.<sup>11</sup> Semenjak dari tahun 1951, sistem pengajaran di sekolah-sekolah dalam wilayah - wilayah Melayu iaitu Wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul adalah selaras dengan lain – lain wilayah di seluruh Thailand.

<sup>10</sup> Laporan Mesyuarat governor-governor Monthon Patani pada 13 Oktober 1922, Dokumen Rama VI No. So.Tho. 35/20, National Archives, Bangkok.

<sup>11</sup> Kasem Rangsiyokrit, *Itiphe! khong Sasana Islam Ti Mi to Kan Pok-khronng nai Changwad Chaidan Pak Tai*, Tesis M.A. Thammasart University Bangkok, 1976 Muka 99

Di dalam pengembangan pendidikan Siam di negeri – negeri Melayu Patani itu, terdapat pelajar-pelajar keturunan Melayu yang mengikut arus dasar Siamisasi. Semasa sekolah kerajaan Siam terletak di *Wad Tani Norasamoesorn* dahulu ada 3 orang pelajar Melayu yang belajar di sekolah tersebut. Mereka terdiri dari Wan Yusuf Marohaputra atau gelaran Siam dengan nama “*Khun Chanjawithan*”, Che Mahmud kemudian bekerja dengan kerajaan dan mendapat pangkat gelaran Siam dengan nama “*Khun Charuwisetsuksakorn*” dan Nik Omar yang kemudian bekerja sebagai guru di sekolah kerajaan Siam. Orang Melayu yang penting dalam menjayakan dasar ini ialah Wan Yusuf Marohaputra, beliau dilahirkan pada 16 Oktober 1899. Setelah tamat pengajian di Monthon Patani pada umur 18 tahun, beliau telah dihantar oleh Monthon Patani untuk mengikuti pelajaran latihan guru di Bangkok. Di Bangkok beliau belajar di sekolah yang terletak di dalam kawasan kuil Buddha yang bernama *Wad Bowornniwet* dan beliau tinggal di asrama di kuil tersebut. Pada tahun 1918 beliau kembali ke Monthon Patani untuk mengajar di sekolah di Monthon Patani. Beberapa jawatan yang pernah dipegangnya dalam bidang pendidikan Siam adalah seperti pengarah pendidikan Wilayah Setul, Wilayah Narathiwas. Semasa bahasa Melayu masih diajarkan di sekolah – sekolah *Prachabal* beliau sempat mengarang buku belajar bahasa Melayu tulisan Jawi. Buku tersebut dinamakan “*Pelita Bacaan*”.

Sistem pendidikan Siam diubahkan dari masa ke semasa seperti dalam tahun 1937, sistem pendidikan Siam di peringkat sekolah rendah 4 tahun, menengah bawah 3 tahun dan menengah atas 3 tahun. Kemudian dalam tahun 1948 kurikulum diubah dengan di peringkat sekolah rendah 3 tahun dan menengah bawah 3 tahun, menengah atas 3 tahun dan ditambahkan dengan

peringkat Pra-Universiti 2 tahun. Dalam tahun 1960, kurikulum pendidikan Thailand diubah sekali lagi dengan peringkat sekolah rendah dibahagikan kepada 2 peringkat iaitu peringkat sekolah rendah bawah dan sekolah rendah atas. Dari perubahan tersebut di peringkat sekolah rendah bawah menjadi 4 tahun, sekolah rendah atas 3 tahun dan di peringkat menengah bawah 3 tahun, menengah atas 2 tahun. Kemudian pada tahun 1978 sekali lagi kurikulum pendidikan diubah. Dari perubahan tersebut di peringkat sekolah rendah telah digabungkan diantara sekolah rendah bawah dengan sekolah rendah atas dan memendekkan masa menjadi 6 tahun. Sekolah menengah bawah menjadi 3 tahun, sekolah menengah atas 3 tahun. Kerajaan Thailand telah mengistiharkan Undang-Undang Pendidikan tahun 1999 pada 19 Ogos 1999.

Mengikut undang-undang pendidikan ini, pihak kerajaan mewajibkan penduduknya belajar hingga sekolah menengah bawah sebaliknya undang-undang sebelum ini hanya mewajibkan belajar hingga sekolah rendah sahaja.<sup>12</sup>

Dalam pengembangan pendidikan Siam di seluruh Monthon Patani itu, kawasan Bachok sekarang juga tidak ketinggalan dalam menerima pengembangan tersebut. Pusat pentadbiran daerah ini dipindahkan ke Kampung Pek Boon kemudian dalam tahun 1920, pihak kerajaan Siam telah menubuhkan sebuah sekolah rendah dengan menamakan "*Rongrian Bachok*" sempena nama daerah tersebut. Semasa itu Nai Tek Hawiket menjadi pengarah pendidikan daerah Bachok. Guru besar pertama sekolah tersebut ialah Nai Plab Munikul.

<sup>12</sup> Telah temubual dengan Sdr. Awang Bin Abdul Malik umur 56 tahun pada 20 November 2000 di Pejabat Pendidikan

Penubuhan sekolah ini bertujuan untuk mengajar anak – anak penduduk Melayu di sekitar daerah tersebut dengan termasuklah penduduk Kampung Duku. Setelah pengistiharan Undang – Undang Pendidikan Sekolah Rendah tahun 1921 berlakulah paksaan terhadap anak – anak penduduk Melayu supaya belajar di sekolah tersebut. Di Sekolah ini juga terdapat seorang guru bahasa Melayu yang bernama *Tok Kenik* atau gelaran Siamnya ialah *Khun Bachok Kankorani*. Beliau adalah ketua mukim atau *Kamnan* bagi Mukim Bachok.

Pada tahun 1934 Pihak Kerajaan telah membina bangunan baru dan nama sekolah tersebut digantikan dengan nama “*Rongrian Prachabal Tambon Bachok*”. Mengikut Sdr. Awang Bin Khareng, bekas guru besar sekolah yang bernama “*Rongrian Namtok Pacho (Wan Khru 2501)*” salah sebuah sekolah rendah di Mukim Bachok, semasa beliau belajar di sekolah tersebut terdapat seorang guru yang mengajar bahasa Melayu dan bahasa Thai di sekolah itu bernama *Hussein Bin Mohd. Arshad* yang berasal dari Kampung Duku. Kemudian sekolah ini ditukarkan nama menjadi “*Rongrian Ban Pek Boon*” sempena nama kampung dimana sekolah tersebut didirikan.

Penduduk Melayu di sekitar Daerah Bachok termasuk penduduk Kampung Duku menghantar anak – anak mereka belajar di sekolah tersebut. Kemudian setelah perubahan Sistem pendidikan di peringkat sekolah rendah dibahagikan kepada 2 peringkat iaitu sekolah rendah bawah (darjah 1-4) dan sekolah rendah atas (darjah 5-7), sekolah tersebut cuma mengajar di peringkat

Daerah Bachok. Beliau adalah salah seorang pegawai pendidikan berketurunan Melayu di pejabat pendidikan tersebut

darjah 1-4 seterusnya pelajar-pelajar di kawasan Daerah bachok termasuk Kampung Duku akan melanjutkan pelajaran di peringkat darjah 5-7 di Sekolah “*Rongrian Namtok Pacho (Wan Khru 2501)*” yang terletak di pinggir bukit Budor lebih kurang 2.5 Kilometer dari Pekan Bachok.

Bagi penduduk Kampung Duku setelah sekolah rendah kerajaan ditubuhkan dalam kawasan Kampung Duku pada tahun 1962, penduduk kampung ini telah mempunyai 2 pilihan iaitu sebahagian menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang bernama “*Rongrian Ban Duku*” dan sebahagian lagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah “*Rongrian Ban Pek Boon*”. Setelah pelajar-pelajar itu tamat dari darjah 4 barulah pelajar-pelajar di kedua-dua sekolah itu akan melanjutkan pelajaran ke “*Rongrian Namtok Pacho (Wan Khru 2501)*”. Seterusnya menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah.

Di Daerah Bachok sebuah sekolah menengah rendah telah ditubuhkan pada 1967. Kemudian sekolah ini mengembangkan pendidikannya ke peringkat sekolah menengah atas setelah kerajaan Thailand mengubahkan sistem pendidikan pada tahun 1978. Selepas itu semua sekolah menengah di Thailand telah mengembangkan pelajarannya ke peringkat sekolah menengah Atas.

Dasar Siamisasi melalui pendidikan Siam telah berjaya mengembangkan pendidikannya sehingga sekarang. Wilayah Narathiwat mempunyai sekolah rendah (darjah 1-6 mengikut sistem kurikulum pendidikan tahun 1978) sebanyak 351 buah, sekolah menengah sebanyak 19 buah, sekolah rendah yang dikendalikan oleh pihak unit polis sempadan dalam kawasan sensitif sebanyak 4 buah, sekolah

rendah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran sebanyak 10 buah dan Pusat Pendidikan Luar Sekolah sebanyak 13 pusat. Bagi Daerah Bachok mempunyai 27 buah sekolah rendah, sekolah menengah 14 buah dan Pusat Pendidikan Luar Sekolah 1 buah.

Jumlah pelajar – pelajar yang sedang mengikuti pelajaran di sekolah – sekolah kerajaan dalam Daerah Bachok pada tahun 2000 adalah seperti berikut:<sup>13</sup>

**Jadual 7. Jumlah pelajar-pelajar sekolah kerajaan dalam Daerah Bachok**

TADIKA di Sekolah Rendah	sebanyak	1,866	orang
TADIKA Jabatan Pembangunan Masyarakat	sebanyak	584	orang
Sekolah-sekolah Rendah	sebanyak	5,759	orang
Sekolah -sekolah Menengah	sebanyak	231	orang
Pusat Pendidikan Luar Sekolah			
Pendidikan Menengah	sebanyak	667	orang
Pendidikan Rendah dan			
Projek Penggalakan bahasa Thai	sebanyak	426	orang

Jumlah pelajar – pelajar tersebut termasuk anak – anak penduduk Kampung Duku yang sedang belajar di 2 buah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah,

<sup>13</sup> Laporan Pendidikan , agama dan kebudayaan Daerah Bachok tahun 2000 , Pejabat Pendidikan Daerah Bachok, 2000 muka 12-15 dan Laporan Pendidikan , agama dan kebudayaan Wilayah Narathiwass tahun 2000 , Pejabat Pendidikan Wilayah Narathiwass , 2000 Muka 18-19 , 22-23

pusat pendidikan luar sekolah selain dari mereka yang melanjutkan pelajaran di luar Daerah Bachok yang tidak termasuk dalam bñncian di atas.

#### **Dasar Siamisasi melalui pendidikan TADIKA atau Anubal**

Walaupun pelaksanaan dasar Siamisasi Melayu di Selatan Thailand melalui pendidikan telah lama dijalankan, penduduk Melayu yang boleh berbahasa Thai pun telah bertambah, tetapi pihak kerajaan Thailand masih tidak berpuás hati. kerana penduduk keturunan Melayu masih banyak yang belum boleh berbahasa Thai. Dengan itu pihak kerajaan telah mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan projek pembangunan pendidikan di wilayah- wilayah Melayu secara khusus. Beberapa projek telah dijalankan termasuk projek pendidikan kanak-kanak atau TADIKA yang dikenali dalam bahasa Thai dengan nama " *Anubal* " dalam wilayah - wilayah di Selatan Thailand pada tahun 1971.

Pada peringkat permulaan pihak kementerian telah menjalankan projek pendidikan kanak-kanak selama 10 tahun iaitu pada tahun 1963-1972. Projek ini dikelolakan oleh Jabatan pendidikan menengah dan satu lagi projek pendidikan kanak-kanak iaitu projek yang dikelolakan oleh Pejabat Pendidikan Kawasan II yang merangkumi wilayah - wilayah Melayu di Selatan Thailand. Projek kedua ini dijalankan pada tahun 1963 -1969. Pada peringkat permulaan hanya 81 buah sekolah sahaja yang menyertai projek tersebut. Semasa itu sekolah-sekolah rendah berada dibawah pengurusan Badan Pentadbiran Wilayah atau ringkasannya Oo.Bo.Cho.

Badan pentadbiran wilayah terletak dibawah Kementerian Dalam Negeri. Oleh itu pihak badan tersebut telah mengambilalih projek pendidikan kanak-kanak yang telah dijalankan oleh Jabatan pendidikan menengah. Projek yang telah diambilalihkan ini telah dilaksanakan pada tahun 1971-1976 untuk melahirkan kanak-kanak supaya boleh berbahasa Thai sebelum melanjutkan pelajaran ke darjah 1. Projek ini dianggapkan sebagai projek yang menjayakan dasar Siamisasi semenjak dari kanak-kanak lagi.

Kemudian sekolah-sekolah rendah telah dipindahkan dari Kementerian Dalam Negeri kepada sebuah Jabatan khusus iaitu Pejabat Jawatankuasa Pendidikan Rendah Negara atau *Samnakngan Khanak Kamkan Kan seuksa Haeng Chat* yang terletak di bawah Kementerian Pendidikan. Berdasarkan Undang-Undang Pendidikan Rendah tahun 1980, pihak pejabat tersebut berkuasa menjalankan pendidikan kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun.

Pada tahun 1986 kabinet Thailand telah meluluskan "*Projek pendidikan kanak-kanak luar bandar*". Projek ini dijalankan pada tahun 1987-1991. Kemudian pihak kerajaan Thailand telah mengistiharkan Undang-Undang Jawatankuasa Pendidikan Rendah tahun 1992 yang merangkumi kuasanya dalam pentadbiran pendidikan kanak-kanak. Pada peringkat awal projek pendidikan kanak-kanak ini dikenakan yuran pelajaran kemudian pihak Kementerian Pendidikan telah membatalkan yuran tersebut.<sup>14</sup>

<sup>14</sup> Surat Jawatankuasa Pendidikan Rendah Negera No. So. Tho. 1489/12374 bertarikh 9 Mei 1994

Dengan menjalankan projek pendidikan kanak-kanak ini telah menarik minat ibu bapa di wilayah - wilayah Melayu di Selatan Thailand untuk menghantar anak-anak mereka ke projek tersebut. Jumlah pelajar-pelajar pendidikan kanak-kanak ataupun TADIKA bagi Wilayah Narathiwat adalah seperti berikut:

**Jadual 8. Jumlah Pelajar-Pelajar TADIKA di Wilayah Narathiwat**

Sekolah-sekolah rendah kerajaan	sebanyak	22,457	orang
Sekolah-sekolah rendah kerajaan dibawah kelolaan pihak Polis sempadan	sebanyak	192	orang
Jumlah semua		22,649	orang

Jumlah ini termasuk jumlah pelajar-pelajar pendidikan kanak-kanak di sekolah -sekolah rendah dalam Daerah Bachok sebanyak 1,866 orang.

#### **Dasar Siamisasi melalui Jabatan pendidikan luar sekolah**

Jabatan pendidikan luar sekolah atau Non-Formal Education Department berada dibawah Kementerian Pendidikan. Peranan yang dimainkan oleh jabatan ini ialah mengurangkan penduduk buta huruf di Thailand. Jabatan pendidikan luar sekolah ditubuhkan pada tahun 1940 sebagai sebuah bahagian di satu jabatan dalam kementerian pendidikan. Kemajuan bahagian ini berada di kemuncak pada tahun 1970-an sehingga bahagian ini diangkatkan

taraf menjadi sebuah jabatan di dalam kementerian tersebut. Kemudian pusat-pusat pendidikan luar sekolah di peringkat wilayah ditubuhkan diikuti pusat-pusat pendidikan luar sekolah di peringkat daerah.

Beberapa peranan yang dimainkan oleh jabatan ini di dalam menjalankan dasar Siamisasi adalah seperti berikut:<sup>15</sup>

1. Pendidikan asas ( Basic education )
2. Pendidikan kemahiran ( Vocational education and skills training )
3. Perkhidmatan data sumber ( Information service )

#### **Pendidikan asas**

Jabatan pendidikan luar sekolah memainkan peranan mengurangkan penduduk buta huruf ( bahasa Thai ) di kalangan penduduk Melayu di wilayah-wilayah Melayu iaitu di kalangan penduduk yang terkeluar dari sistem pendidikan formal seperti pembelajaran di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah agama yang berkurikulum kerajaan. Peserta - peserta dalam sistem pendidikan luar sekolah tidak mempunyai had umur. Oleh itu sasaran jabatan ini selain remaja ialah kalangan orang dewasa dan orang berumur 50-an. Kurikulum sistem pendidikan luar sekolah berbeza dari sistem pendidikan umum. Sistem pendidikan ini lebih intensif dan masa pembelajaran lebih pendek. Biasanya pendidikan rendah dari darjah 1-6 dengan memakan masa selama 6 tahun. Tetapi sistem pendidikan luar sekolah hanya memakan masa selama 1 1/2

<sup>15</sup> Khu-Meu Patibat Ngan KanSeuksa Nok Rongrian ,( Sri Kaket : Sri Saket Kanpimp ,2000) Muka 31-34

tahun dengan syarat pelajar-pelajar mesti berumur tidak kurang dari 14 tahun. Bagi peringkat menengah bawah iaitu tingkatan 1-3 ia memakan masa hanya selama 2 tahun dan di peringkat menengah atas iaitu tingkatan 4-6 ia memakan masa hanya 1 1/2-2 tahun. Waktu pembelajaran ialah sehari dalam satu minggu.<sup>16</sup>

### **Pendidikan kemahiran**

Pendidikan ini adalah bertujuan memahirkan penduduk di peringkat dewasa termasuk kalangan wanita khususnya pendidikan jangka pendek seperti pelajaran memasak, membuat kain batik, kraftangan, menjahit, ilmu tradisional dan sebagainya. Jangka masa pembelajaran ialah 30 jam dan 100-300 jam. Selain dari kursus tersebut ialah kursus sijil kemahiran pekerjaan. Kursus ini memakan masa selama 3 tahun untuk pelajar-pelajar lepasan sekolah rendah. Sijil pendidikan profesional yang memakan masa selama 3 tahun disediakan untuk pelajar-pelajar lepasan peringkat pendidikan menengah bawah (tingkatan 3). Sijil ini diiktirafkan setaraf dengan sijil persekolahan menengah atas.<sup>17</sup>

### **Perkhidmatan Data Sumber**

Bahagian ini menyediakan beberapa perkhidmatan seperti perpustakaan awam di peringkat daerah-daerah dan pusat-pusat bacaan di kampung-kampung. Pusat pengajian yang ditubuhkan di beberapa mukim dan kampung. Bahagian ini memainkan peranan dalam penyebaran berita kerajaan ke kampung-kampung. Di wilayah - wilayah Melayu di Selatan Thailand, pusat-pusat bacaan di kampung-

<sup>16</sup> Ibid. Muka 90-93

<sup>17</sup> Ibid. Muka 33-34

kampung mendapat peruntukan surat khabar harian sebanyak 2 naskah di setiap pusat bacaan tersebut.<sup>18</sup>

Jabatan pendidikan luar sekolah adalah salah satu di antara beberapa jabatan yang bekerjasama dalam menjayakan projek pengajaran bahasa Thai kepada penduduk Melayu. Kementerian dalam Negeri telah menjalankan projek yang dinamakan " *Projek pengembangan bahasa Thai di wilayah-wilayah sempadan Selatan* " semenjak tahun 1985. Projek ini dikelola oleh Pusat pentadbiran wilayah-wilayah Selatan Thailand atau Southern boarder provinces administration center ( SBPAC ) atau lebih dikenali dengan nama ringkasnya dalam bahasa Thai iaitu So. Oo. Bo. To. . Badan ini menjadi badan khusus untuk menjalankan pentadbiran di wilayah - wilayah Melayu tersebut. Projek pembangunan bahasa Thai ini biasanya mempunyai tenaga pengajar terdiri dari guru-guru keturunan Melayu dan kakitangan kerajaan termasuk petugas-petugas dari pusat pendidikan luar sekolah di daerah - daerah yang mempunyai kampung-kampung sasaran.

Projek ini dijalankan pada peringkat awal dalam tahun 1985-1986. Setelah tamat tempohnya, pihak kerajaan telah membuat penilaian keberkesanan projek ini. Dan pada 31 Mac 1987 pihak kabinet telah meluluskan penyambungan projek ini lagi dari tahun 1987-1991 dan seterusnya.

<sup>18</sup> Telah temubual dengan Puan Wan Ummi Kalsom Binti Wan Abdullah umur 34 tahun dan Puan Sapinah Binti Abdul Rahim umur 38 tahun pada 22 November di Pejabat Pendidikan Luar Sekolah Daerah Bachok . Kedua-dua adalah guru di Pejabat Pendidikan Luar Sekolah tersebut yang bertanggungjawab dalam Mukim Bachok .

Sebelum pengajar-pengajar bahasa Thai menjalankan tugasnya, mereka diwajibkan mengikuti kursus pengajaran selama seminggu. Jangka masa mereka mengajar adalah sebanyak 2 jam sehari dan memakan masa selama 30 hari. Waktu mengajar biasanya dari jam 8-10 malam. Mengikut perancangan pihak kerajaan Thailand, kampung-kampung sasaran semuanya sebanyak 1,427 buah. Setakat ini sebanyak 938 buah kampung telah dilaksanakan projek ini dengan mempunyai tenaga-tenaga pengajar sebanyak 3,758 orang. Penduduk Melayu telah mengikuti pengajian bahasa Thai ialah sebanyak 32,967 orang.<sup>19</sup>

#### **Dasar Siamisasi melalui perubahan sekolah agama**

Negeri Patani pernah dianggap sebagai "*Serambi Makkah*" kerana negeri tersebut menjadi pusat penyebaran agama Islam ke seluruh rantau ini. Semasa negeri ini berada di kemuncak dalam pengajian agama Islam itu, pondok-pondok yang menjadi pusat pengajian Islam di negeri Patani telah tumbuh dengan pesat.

Dalam tahun 1916, mengikut bancian yang telah dibuat oleh Pemerintah Siam, terdapat sebanyak 479 buah Pondok di Monthon Patani. Jumlah pondok-pondok semakin menambah dari setahun ke tahun. Pada tahun 1919 terdapat pondok-pondok di Monthon Patani sebanyak 595 buah

<sup>19</sup> Majalah Pab Khao Thaksin (Utusan Thai Selatan), Bulan Jun-Julai 2000, Kementerian Dalam Negeri, Bangkok  
Muka 17-19

pondok serta Tok Guru seramai 599 orang.<sup>20</sup> Walaupun masa itu Siam telah mengeluarkan undang-undang sekolah swasta tahun 1918 tetapi semua pondok-pondok tersebut tidak didaftarkan dengan pihak kerajaan Siam. Sebaliknya sekolah swasta pertama yang mendaftar dengan pihak kerajaan di wilayah-wilayah Melayu mengikut undang-undang tersebut ialah sebuah sekolah Cina yang bernama "*Sekolah Peng Min*" yang terletak di Mukim Bangnara Amphoe Bangnara, Wilayah Narathiwat.<sup>21</sup> Dan kemudian pada tahun 1920 sebuah lagi sekolah Cina telah ditubuhkan iaitu Sekolah Tiang Hua yang terletak di Mukim Anak Ru, Amphoe seberang, Wilayah Pattani.<sup>22</sup> Pada tahun 1921 tiada lagi sekolah-sekolah swasta ditubuhkan dan didaftarkan mengikut undang-undang sekolah swasta tahun 1918. Dari pandangan kerajaan Siam, institusi pondok dianggap sebagai sebuah institusi pendidikan bukan sebagai institusi agama. Kerajaan Siam telah cuba mengeksploitasikan institusi tersebut dengan mengembangkan bahasa Thai ke dalamnya pada tahun 1910-1912. Tetapi rancangan tersebut gagal kerana tidak mendapat sambutan dari penduduk Melayu.

Setelah undang-undang pendidikan sekolah rendah tahun 1921 diluluskan oleh kerajaan Siam, berlaku pertelingkahan di antara penduduk Melayu dengan kerajaan pada akhir tahun 1922. Setelah beberapa lama kemudian

<sup>20</sup> Laporan Kementerian Pendidikan Naskah No. 12 tahun 1919, Kementerian Pendidikan m.37, National Archives, Bangkok.

<sup>21</sup> Pengistiharan Kementerian Pendidikan No. 4500 bertarikh 15 Julai 1929, Dokumen Rama VII No. So. Tho. 54.8/4, National Archives, Bangkok.

<sup>22</sup> Pengistiharan Kementerian Pendidikan No. 9310 bertarikh 5 November 1930, Dokumen Rama VII No. So. Tho. 54.8/5, National Archives, Bangkok.

pada zaman Jeneral Sarit Thanarat menjadi Perdana Menteri, pihak kerajaan telah membuat satu peraturan untuk mengembangkan bahasa Thai ke sekolah-sekolah agama atau pondok-pondok. Peraturan itu dinamakan "*Peraturan kementerian pendidikan mengenai bantuan pondok-pondok dalam bahagian pendidikan kawasan ke II*". Bahagian tersebut merangkumi wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand. Bantuan tersebut akan diberikan kepada pondok-pondok yang telah menjalankan pengajaran bahasa Thai dan ilmu kemahiran. Ini adalah titik permulaan sebuah institusi agama berubah status menjadi institusi pendidikan swasta. Pada tahun 1965 kerajaan Thailand telah mengarah sekolah-sekolah agama atau pondok-pondok menukarkan status kepada sekolah-sekolah swasta mengajar agama Islam atau disebut dalam bahasa Thai sebagai "*Rongrian rat sorn sasana Islam*". Kemudian pada tahun 1966<sup>23</sup> kerajaan Thailand telah melarang penubuhan pondok-pondok baru dan menggalakkan pondok-pondok mengubah status menjadi sekolah swasta mengajar agama. Jika pondok-pondok tersebut tidak mencukupi syarat yang ditetapkannya ia bererti pondok-pondok tersebut akan dibubarkan.<sup>24</sup> Pondok-pondok yang telah mendaftar mengikut peraturan kementerian pendidikan pada tahun 1961-1964 berjumlah 171 buah dan pada tahun 1965-1967 berjumlah 101 buah.<sup>25</sup>

Perubahan status pondok-pondok kepada sekolah-sekolah swasta mengajar agama Islam pada peringkat awal dijalankan dengan secara memaksa serta memberi bantuan kepadanya. Pemberian bantuan inilah membuatkan pondok-

<sup>23</sup> Ini adalah mengikut keputusan mesyuarat kabinet Thailand pada 14 Jun 1966

<sup>24</sup> Nopadol Rojana-Udomsat, *op. cit.* Muka 79

<sup>25</sup> Mohammad Abdul Kadir (Dr.), *Kan ChadKan Kanseuksa Laek Tdtang KanPattana Khomg Phak Tai*, (Bangkok :

pondok tersebut khususnya Tok-Tok Guru telah termakan umpan yang diberikan oleh kerajaan Thailand. Sekarang sekolah-sekolah swasta mengajar agama terdapat 2 jenis iaitu sekolah yang dikenali dengan nama sekolah swasta jenis 15(1) dan sekolah swasta jenis 15(2). Kedua-dua jenis sekolah-sekolah ini ada sedikit perbezaan dari segi bantuan dari pihak kerajaan. Sekolah-sekolah swasta mengajar agama dari jenis 15(2) berlumba-lumba untuk menaikkan tarafnya kepada jenis 15(1) yang mendapat bantuan dari kerajaan lebih banyak. Perlumbaan tersebut menjauhkan lagi sekolah-sekolah swasta mengajar agama itu dari tujuan asal penubuhannya. Pengaruh dasar Siamisasi ini dapat dilihat contohnya pada sebuah sekolah swasta mengajar agama yang terkenal di Wilayah Narathiwat telah menggugurkan mata pelajaran bahasa Melayu tulisan Rumi dari pelajaran yang diajarkan di Sekolah tersebut.<sup>26</sup>

Terdapat sekolah-sekolah mengajar agama Islam yang masih mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Tetapi kebanyakannya bahasa Melayu tulisan Jawi. Ini adalah salah satu akibat dari dasar Siamisasi. Bahasa Melayu yang digunakan oleh penduduk Melayu di Selatan Thailand akan menyulitkannya untuk berkomunikasi dengan penduduk keturunan Melayu di negara-negara serumpun seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei yang menggunakan bahasa Melayu tulisan Rumi.

Aksorn Bandhit, 1987) Muka 234-235

<sup>26</sup> Sesetengah Ustaz-ustaz mengatakan ia berpunca dari arahan pengetua sekolah tersebut. Tetapi salah seorang guru yang pernah mengajar bahasa Melayu tulisan Rumi di sekolah tersebut mengatakan pengguguran mata pelajaran tersebut berpunca dari arahan pihak pegawai pendidikan yang bertanggungjawab dalam Wilayah itu.

Dalam proses dasar Siamisasi yang telah dijalankan oleh kerajaan Thailand secara beransur-ansur, mereka dapat menguasai secara menyeluruh ke atas pondok-pondok yang telah ditukarkan status menjadi sekolah-sekolah swasta mengajar agama dan menukarkan tujuan asal dalam penubuhan pondok-pondok supaya melahirkan para pengembang agama dan elit-elit tempatan. Kini pondok-pondok hanyalah sebuah institusi pendidikan yang mengajar pelajar-pelajarnya mengikut kurikulum Pendidikan Thailand serta sedikit pengetahuan agama yang tidak dapat dibandingkan lagi dengan pondok-pondok sebelum ini. Uthai Dulyakasem<sup>27</sup> telah menjelaskan, pengembangan pendidikan kurikulum Thailand tersebut telah menghilangkan elit-elit tempat yang sebelum ini dilahirkan dari insutusi pondok-pondok pendidikan lama.

#### **Dasar Siamisasi melalui *Thai Custom Decree* atau *Thai Rattaniyom***

Dasar *Thai Rattaniyom* adalah dasar Siamisasi yang telah berlaku di zaman Jeneral P. Phibulsongkhram pada tahun 1938-1945. Dasar inilah yang menggugat kedudukan penduduk Minoriti di Thailand termasuk penduduk Melayu. Walaupun Jeneral P. Phibulsongkhram sebagai pembina dasar *Thai Rattaniyom*. Tetapi pencetus fikiran nasionalis Thai yang ekstrem ini ialah Luang Wichitwattakan atau nama asalnya, Nai Kim Liang Wattanaparuda.<sup>28</sup> Beliau adalah seorang ahli politik, ahli pemikir dan penulis, beberapa pidato Jeneral P. Phibulsongkhram berasal dari karangannya.

<sup>27</sup> Uthai Dulyakasem, Kemunculan dan perkembangan nasionalisme etnis. dalam Taufik Abdullah & Sharon Siddique (peny.), tradisi dan kebangkitan Islam di Asia Tenggara, P3ES, Jakarta, 1988 Muka 242

<sup>28</sup> Dari namanya kemungkinan beliau berasal dari keturunan Cina ataupun Sino-Siamese seperti kebanyakan Pemimpin Thailand di masa itu.

Fikirannya dapat mempengaruhi Jeneral P. Phibulsongkhram sehingga lahirnya dasar *Thai Rattaniyom*.<sup>29</sup>

Jeneral P. Phibulsongkhram memperkenalkan dasar *Thai Rattaniyom* No. 1 pada 24 Jun 1939 dengan penukaran nama negara dari “*Siam*” kepada “*Thai*”.<sup>30</sup> Dasar *Thai Rattaniyom* tersebut mendapat sokongan dari kebanyakan kakitangan kerajaan Thailand. Kemudian kerajaan Thailand memperkenalkan *Thai Rattaniyom* No. 3 pada 2 Ogos 1939. Dasar *Thai Rattaniyom* ini lebih mencemaskan lagi sehingga berlaku ancaman penghapusan identiti Melayu secara langsung. Sesetengah isi kandungan dasar *Thai Rattaniyom* No. 3 adalah seperti berikut:<sup>31</sup>

1. Warga Thai jangan mempunyai nama yang bertentangan dengan nama ras (Thai).

2. Menggunakan perkataan “*Thai*” untuk semua warga Thai tanpa perkiraan ras.

Dari *Thai Rattaniyom* No. 3 inilah menyebabkan hilangnya perkataan “*Melayu*” dari segi ras yang sebenar bagi Penduduk keturunan Melayu di Selatan Thailand. Mereka telah digantikan dengan perkataan “*Thai Islam*”

<sup>29</sup> Paitoon Che' Hae, *Nayobai Chatniyom khong Prathed Thai*, Tesis M.A., Universiti Srinakharinrawit, Prasanmitra, Bangkok, 1979 Muka 98-100

<sup>30</sup> Ibid. Muka 140

<sup>31</sup> Omar Farouk, “Asal-usul dan evolusi nasionalisme Muslim Melayu di Muang Thai Selatan”, dalam Taufik

atau “*Thai Muslim*”. Dari segi undang-undang Thailand semenjak itu ras Melayunya telah tiada lagi. Dalam surat-surat rasmi kerajaan Thailand penduduk Melayu bukan lagi mempunyai ras “*Melayu*”. Sebaliknya ras mereka dalam surat-surat tersebut dicatatkan sebagai ras “*Thai*” sehingga sekarang .

Pada tahun 1940 kerajaan pimpinan Jeneral P. Phibulsongkhram telah mengeluarkan undang-undang penggalakan kebudayaan negara tahun 1940. Dengan undang-undang ini dasar Siamisasi melalui *Thai Rattaniyom* dapat diperkembangkan dengan lebih luas lagi. Sesiapa yang bercanggah dengan undang-undang ini akan didenda tidak lebih dari 12 Baht. Seseengah isi kandungan dalam undang-undang tersebut seperti kesopanan pemakaian di khalayak ramai, akhlak dalam penghidupan harian dan suasana keThaian . Sering bercanggah dengan kebiasaan penduduk akibatnya mereka dikenakan denda.

Undang-undang tersebut memaksa rakyatnya berbaju di khalayak ramai, berkasut di tempat kerja, makan secara bersudu. Ia adalah bertentangan dengan kebiasaan kelakuan rakyat Thai semasa itu. Oleh sebab undang-undang ini tidak dapat dikuatkuasakan ke seluruh negara. Maka Jeneral P. Phibulsongkhram telah mengeluarkan undang-undang kedua iaitu undang – undang penggalakan kebudayaan negara (No. 2) tahun 1942. Walaupun kerajaan telah mengeluarkan undang-undang penggalakan kebudayaan sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 1940 dan 1942, tetapi dasar *Thai Rattaniyom* masih dikeluarkan sebanyak 12 kali dalam tahun 1939-1942.

Foto 2 Poster Majlis Perbandaran Songkhla



Poster Majlis Perbandaran Songkhla dalam tahun 1941 yang menggalakkan penduduknya berpakaian No. 1-6 dari kanan serta mengharamkan penduduknya berpakaian No. 1-7 dari kiri ( yang juga termasuk pakaian Melayu No. 6-7 )

Dasar *Thai Rattaniyom* No. 9 adalah berkaitan dengan kesusasteraan.<sup>32</sup> Dalam *Thai Rattaniyom* ini termuat isi kandungan yang menggalakkan penduduk warga Thailand supaya berbahasa Thai dan mengembangkan bahasa Thai ke seluruh negara dengan berkesan. Terdapat satu lagi *Thai Rattaniyom* yang menggugatkan kedudukan penduduk Melayu iaitu *Thai Rattaniyom* No. 10.<sup>33</sup> Dalam *Thai Rattaniyom* ini termuat isi kandungan mengenai pakaian penduduk. Dengan itu penduduk Melayu tidak dibenarkan bersarong, berkopiah dan sebagainya di khalayak ramai.

Dasar *Thai Rattaniyom* adalah dasar yang paling menekankan proses Siamisasi di bidang kebudayaan. Dengan itu nama-nama diri dan nama-nama famili ( Surname ) yang masih melambangkan keturunan bukan Thai digalakkan menukar nama-nama diri dan nama-nama famili kepada bahasa Thai. Serta menggalakkan pengembangan ajaran agama buddha kepada penduduk agama lain termasuk penduduk Melayu. Selain dari dasar *Thai Rattaniyom* , pihak kerajaan Thailand telah mengeluarkan peraturan yang disebut dengan nama “ *Wiratham 14 perkara* ”. Dalam *Wiratham* Perkara ke - 4 yang berbunyi “ *Bangsa Thai menilai agama Buddha lebih tinggi dalam hidup mereka* ”.<sup>34</sup> Tekanan kerajaan Thailand terhadap kakitangannya sangat ketara sehingga terdapat sesetengah dari mereka yang beragama Islam sanggup menukar agama menjadi penganut agama Buddha.<sup>35</sup> Contohnya Sdr. In Dauroet salah seorang kakitangan kerajaan yang berketurunan Melayu telah

<sup>32</sup> Omar Farouk , op. Cit. Muka 303-304

<sup>33</sup> Paitoon Che' Hae , op. Cit. Muka 151

<sup>34</sup> Paitoon Che' Hae , op. Cit. Muka 282 ; Omar Farouk op. Cit. Muka 311

menukarkan agama Islamnya menjadi agama Buddha hanya untuk kemajuan dalam pekerjaannya. Berkenaan dari segi pemaksaan pakaian, Sdr. Wan Marohaputra menyatakan wanita-wanita Melayu yang berkain kelapa telah direntap dan dibuang oleh pihak berkuasa. Bagi Sdr. Che' Abdullah Lang Puteh menyatakan bahawa di Narathiwat pihak polis telah mengambil kain serban dari kepala lelaki Melayu dan mereka menjadikannya sebagai buah sepak.<sup>36</sup>

Proses dasar Siamisasi ini telah mendatangkan kegelisahan ke atas penduduk Melayu sehingga Tengku Abdul Jalal Bin Tengku Abdul Muttalib atau Adul Na Saiburi yang menjadi ahli parlimen wilayah Narathiwat semasa itu telah menghantar surat bantahan bertarikh 14 Februari 1944 kepada Perdana Menteri Thailand. Sebahagian dari isi kandungan surat tersebut berbunyi: "*Pada tarikh 12 Januari 1944 governor wilayah Pattani telah memanggil semua pemimpin agama di Daerah Teluban atau Saiburi. Gubernur tersebut meminta pemimpin-pemimpin agama Islam supaya menghormati atau menyembah patong Buddha*". Dan setelah penghantaran surat bantahan tersebut pihak kerajaan Thailand telah menjawab surat bantahan itu pada 29 April 1944.<sup>37</sup> Surat jawapan dari pejabat Perdana Menteri tersebut menyinggung perasaan penduduk keturunan Melayu apabila surat tersebut menyatakan tindakan governor itu adalah sah dan wajar. Dari pertelingkahan tersebut kemudian Tengku Abdul Jalal Bin Tengku Abdul Muttalib telah meninggalkan Pattani dengan tanpa meletak jawatan ahli parlimen tersebut. Beliau meninggalkan

<sup>35</sup> Paitoon Che' Hae, op. Cit. Muka 282

<sup>36</sup> Chalermkiat Khunthongpetch, Kan Totan Nayobai Rattaban Nai Si Changwad Phak Tai Khong Prated Thai, (Pattani: Haji Sulong Abdul Kadir Tok Minal Foundation, 1994) Muka 19-21

perjuangan melalui parlimen sebaliknya menyertai perjuangan melalui pertubuhan pemisahan dengan menjadi salah seorang pemimpin sebuah pertubuhan yang bernama GAMPAR<sup>38</sup> dan kemudian memimpin pertubuhan pemisah yang bernama Barisan Nasional Pembebasan Patani atau BNPP.

Setelah Jeneral P. Phulsongkhram digulingkan dari jawatan Perdana Menteri. Penggantinya ialah Luang Aphaiwongsa. Beliau telah memansuhkan beberapa peraturan yang merenggangkan hubungan di antara kerajaan Thailand dengan penduduk Melayu. Walaupun zaman *Thai Rattaniyom* telah lama berlaku dan sekarang telah tiada lagi dasar *Thai Rattaniyom*, tetapi dasar tersebut masih dijalankan secara sulit dan secara tidak langsung. Pada awal tahun 1970-an semasa pengkaji sedang belajar di peringkat sekolah rendah, guru-guru mendapat arahan dari pihak pejabat daerah supaya menggalakkan pelajar-pelajar menukar nama Melayunya kepada bahasa Thai dengan mengenakan bayaran hanya 1 Baht (lebih kurang 10 Sen Malaysia). Pada tahun 1980-an dasar tersebut masih diamalkan contohnya, di Daerah Muang Wilayah Pattani, pihak pejabat Daerah telah mengadakan projek penggalakan penduduk Melayu menukar nama dari bahasa Melayu kepada bahasa Thai. Pihak kementerian pendidikan pernah mengarahkan supaya menempatkan patong-patong Buddha di sekolah-sekolah rendah. Dan berlaku penempatan patong Buddha di sekolah-sekolah rendah di wilayah – wilayah Melayu telah mencetus bantahan

<sup>37</sup> Omar Farouk, op. Cit. Muka 310-311

<sup>38</sup> Nik Anuar Nik Mahmud (1999), ob.cit. Muka 71

dari penduduk keturunan Melayu seperti tunjuk perasaan di Daerah Langu, Wilayah Setul pada tahun 1985.<sup>39</sup>

### **Dasar Siamisasi melalui pentadbiran pemerintahan**

Hubungan di antara Siam dengan negeri Patani telah lama diwujudkan. Penghantaran bunga emas adalah salah satu cara hubungannya. Pihak Siam menganggap negeri Patani berada di bawah naungannya. Sebaliknya negeri Patani menganggap penghantaran bunga emas sebagai tanda penghormatan terhadap negeri Siam. Seperti negeri Perak pernah menghantarkan bunga emas kepada negeri Aceh.<sup>40</sup> Status hubungan di antara kerajaan Siam dengan negeri Patani berubah setelah negeri Patani jatuh ke tangan Siam pada awal era Bangkok. Walaupun begitu negeri Patani masih mempunyai kuasa autonomi dalam hal pentadbiran negerinya.

Kerajaan Siam mulai campurtangan dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu Patani di zaman Raja Rama V. Raja itulah telah memperkenalkan sistem Thesaphibal pada tahun 1894. Pada tahun 1902, pihak Kerajaan Siam telah memperkenalkan "*Peraturan pentadbiran negeri-negeri Melayu tahun 1902*". Dalam peraturan tersebut pihak Siam dibenarkan melantik pegawai negeri atau *Palad Muang* untuk mentadbirkan negeri-negeri bersama raja-raja Melayu.

<sup>39</sup> Telah temubual dengan Sdr. Tuan Rusli Tuan Wan umur 43 tahun pada 12 September 2000 di rumahnya di Kampong Che' Hel, Daerah Tak Bai Wilayah Narathiwat. Beliau adalah bekas Penolong Pegawai Daerah Langu yang secara langsung terlibat dalam tunjuk perasaan tersebut.

<sup>40</sup> Abdullah Zakaria Bin Ghazali, "Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan", Persatuan Muzium

Sebelum tahun 1892, negeri-negeri Melayu Patani mempunyai taraf sebagai *Prathedrach* atau *Vassal State*. Negeri-negeri lain yang mempunyai taraf seperti itu ialah negeri Lanna ( Chiang Mai ) dan negeri Luang Prabang ( Laos). Negeri-negeri tersebut mempunyai kebudayaan yang berbeza dari Bangkok dan masing-masing mempunyai raja-raja tersendiri. Bagi negeri - negeri Melayu Patani itu, ia mempunyai struktur pentadbiran pemerintahan tersendiri. Walaupun begitu jawatan-jawatannya telah berbaur Siam. Seperti dalam catatan Prince Sommot-Amorapan yang telah melawat negeri-negeri Melayu Patani. Beliau menjelaskan mengenai struktur pentadbiran pemerintahan negeri-negeri Melayu Patani. Sebagai contohnya negeri Patani yang mempunyai struktur seperti berikut:<sup>41</sup>

Raja negeri, adalah jawatan yang tertinggi dalam pentadbiran pemerintahan bagi negeri tersebut.

Pembantu raja, adalah jawatan pegawai pentadbiran yang bertugas dalam hal ehwal am mengikut arahan dari raja.

Sri Tuan Kromkan Muang, adalah jawatan-jawatan yang sama dengan jawatan-jawatan menteri di negeri-negeri Melayu di Semenanjung. Di negeri Patani para pembesar atau Sri Tuan terdiri dari

Malaysia , Kuala Lumpur , 1996 Muka 77

<sup>41</sup> Laporan Prince Sommot – Amorapan kepada Rama V , Dokumen Rama V No.To.11.3/11 , National Archives, Bangkok .

Che' Toh, yang dianggap sebagai menteri kanan yang bertugas dalam semua bidang pentadbiran.

Tok Kadi,<sup>42</sup> yang bertugas dalam hal ehwal agama dan kehakiman.

Tok kari<sup>43</sup>(Tok Kadi ), bertugas sebagai penolong kepada Tok Kadi dalam hal ehwal agama dan kehakiman.

Jawatan-jawatan selain dari itu ialah seperti berikut:

Pemungut cukai, di negeri Patani terdapat beberapa orang yang bertanggungjawab dalam pemungutan cukai. Mereka terdiri dari Penghulu Che' Daud, Penghulu Che' Embon dan Penghulu Che' Doh.

Pengawal bunga emas

Negeri – negeri Melayu Patani diwajibkan menghantarkan bunga emas kepada pihak kerajaan Siam. Negeri Patani mempunyai seorang pegawai bernama Che' Seran yang bertanggungjawab mengawal dan menguruskan hal ehwal penghantaran bunga emas.

Terdapat lagi beberapa jawatan-jawatan dalam pentadbiran pemerintahan negeri-negeri Melayu Patani seperti:<sup>44</sup>

<sup>42</sup> *kemungkinan Tok Kadi ini adalah Ketua kepada para Tok Kadi*

<sup>43</sup> Tok Kari mengikut tulisan dan loghat Thai adalah Tok Kadi juga

<sup>44</sup> Somchot Ongsakul , op. Cit. Muka 73

Dato', jawatan Dato' atau juga dikenali dengan gelaran Pak Ku. Jawatan ini kemungkinan terdiri dari kerabat-kerabat Diraja. Dato'-Dato' mempunyai tanggungjawab mengawal pentadbiran di seluruh kawasan dalam negeri. Mereka juga menghakimkan kes-kes bersabit kesalahan jenayah dan sivil. Mereka akan mengumpulkan cukai sebelum menyerahkannya kepada raja negeri.

Mae Kong, jawatan Mae Kong dalam bahasa Thai ini adalah ketua pasukan. Mae Kong dikenali dengan satu nama lagi iaitu Tok Khweng. Mereka bertanggungjawab mengawal pentadbiran di dalam kawasan jagaannya. Serta mengumpulkan hasil cukai dari kawasannya untuk diserahkan kepada Dato'. Mereka juga boleh menghakimkan kes-kes bersabit kesalahan kecil di dalam kawasan pentadbirannya. jawatan Mae Kong atau Tok Khweng kemungkinan setaraf dengan jawatan Ketua Mukim atau *Kamnan* sekarang.

Penghulu, jawatan penghulu berada di bawah pentadbiran Mae Kong atau Tok Khweng. Mukim yang mempunyai kawasan yang luas selalu mempunyai ramai penghulu. Jawatan ini bertanggungjawab mentadbirkan hal ehwal dalam kampung masing – masing.

Cha, jawatan dalam bahasa Thai ini adalah jawatan sebagai pembantu Mae Kong atau Tok Khweng dalam hal ehwal kesalahan. Apabila penduduk membuat aduan kepada Mae Kong, Mae Kong akan mengarah Cha supaya memberitahu kepada penghulu. Dia akan membawa yang tertuduh ke hadapan Mae Kong untuk di soal siasat.

Dalam pentadbiran negeri – negeri Melayu Patani, raja – raja Melayu berhak melantik dan memecat sesiapa dari jawatan – jawatan dalam pentadbiran negeri. Setelah Siam memperkenalkan peraturan pentadbiran negeri-negeri Melayu tahun 1902, berlaku penentangan dari raja – raja Melayu di atas campurtangan pihak kerajaan Siam dalam pentadbiran negeri – negeri Melayu Patani. Dari penentangan tersebut Tengku Abdul Kadir Kamaruddin Bin Tengku Sulaiman, Raja negeri Patani telah dipecat pada 6 Mac 1902 dan dipenjarakan di Wilayah Pitsanulok. Kemudian baginda dibebaskan pada 5 Mac 1904 maka pada tahun 1905, baginda telah berundur dan menetap di Kota Bharu, Kelantan hingga akhir hayat. Setelah raja-raja Melayu di negeri – negeri Melayu Patani bersetuju ke atas peraturan tersebut. Maka tercapailah hasrat Raja Rama V selama ini. Kerana raja itu telah menyatakan hasratnya kepada Prince Damrong Rajanubhap bahawa baginda ingin memansuhkan sistem penghantaran bunga emas. Dengan penghantaran bunga emas itu raja Siam tersebut tidak dapat mencampurtangan dalam hal ehwal pentadbiran negeri – negeri Melayu Patani dan raja itu tidak mahu menjadi maharaja tanpa kekuasaan ke atas negeri – negeri Melayu Patani.<sup>45</sup>

Kerajaan Siam telah menjalankan satu dasar iaitu raja Melayu yang telah mangkat tidak akan melantik penggantinya. Dengan dasar ini akhirnya negeri-negeri Melayu Patani yang terdiri dari 6 negeri yang beraja Melayu dan sebuah negeri yang beraja keturunan Thai iaitu negeri Nongchik telah

<sup>45</sup> Surat Rama V kepada Prince Damrong Rajanubhap No. 187/696 bertarikh 6 Mac 1896, Dokumen Rama V

dikurangkan menjadi 4 negeri iaitu negeri Patani, Legeh ( Rangae ), Sai atau Saiburi dan negeri Yala. Kemudian raja-raja di negeri-negeri tersebut diturunkan taraf dari *Raja Negeri* atau *Phraya Muang* menjadi *Governor – General* atau *Phuwa Rachkan*. Kecuali negeri Patani setelah pemecatan Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, pihak kerajaan Siam tidak melantik seorang raja Melayu lagi. Hanya Tengku Kadir atau Phra Phitak yang pernah memegang jawatan raja Patani semasa berlaku krisis Tengku Abdul Kadir Kamaruddin dahulu. Kemudian kerajaan Siam membentuk Monthon Patani beberapa tahun selepas itu Monthon Patani dibubarkan pada akhir tahun 1931 dan diserapkan ke dalam Monthon Ligor pada tahun tersebut. Sistem Thesaphibal dan Monthon – Monthon telah dibubarkan pada tahun 1933. Akhirnya 4 buah negeri atau wilayah Melayu itu dikurangkan menjadi 3 wilayah sehingga sekarang.<sup>46</sup>

Dari senario perubahan pentadbiran negeri – negeri Melayu Patani yang berdasarkan “ *Divide and Rule* ” itu bukan sahaja berlaku perubahan dalam Sistem pentadbiran pemerintah di peringkat negeri – negeri, seperti dari sebuah negeri Patani kepada 7 buah negeri-negeri Melayu Patani dan seterusnya menjadi 4 buah negeri. Kemudian dari 4 buah negeri menjadi 3 wilayah. Tetapi dasar “ *Divide and Rule* ” ini juga berlaku di peringkat daerah dan mukim. Seperti Daerah atau Amphoe Bangnara dan Jeringa yang sebelum ini menjadi daerah dalam negeri Saiburi pada tahun 1902. Kemudian daerah – daerah tersebut diserapkan ke dalam negeri Legeh atau Rangae sekitar tahun 1907-1910.

No. 49/27 , National Archives, Bangkok

<sup>46</sup> Phakkhini Premyothin, Krabuankon Borihan Suan Phumiphak Kab Kan Kae Panha Chon Klum Noi Nai Changwad Chaidan Phak Tai, Tesis M.A. , Chulalongkorn University , Bangkok , 1976

### **Dasar Siamisasi melalui kehakiman**

Semasa 7 negeri Melayu Patani berada dalam pentadbiran yang dikenali dengan nama “*Boriwen Jet Hua Muang*”. Kehakiman di negeri-negeri Melayu Patani mempunyai 2 Mahkamah iaitu Mahkamah am dengan menggunakan undang-undang Siam yang bersabit kesalahan bagi penduduk bukan keturunan Melayu, dan Mahkamah shariah untuk membicarakan kes yang bersabit dengan harta pusaka dan keluarga bagi penduduk keturunan Melayu. Raja – raja Melayu melantik Tok Kadi bagi negeri masing-masing, setiap negeri mempunyai jumlah Tok Kadi berbeza iaitu 2 orang dan 4 orang. Setelah Tok Kadi membuat keputusan dan penduduk masih tidak berpuas hati, mereka tersebut boleh membuat rayuan kepada raja melayu. Dan keputusan yang telah dibuat oleh raja Melayu adalah keputusan mutlak.

Pada tahun 1902 Phraya Sukhum Naiwinit, pesuruhjaya Siam telah memanggil semua Tok Kadi di 7 buah negeri Melayu Patani. Beliau mengesyorkan supaya setiap negeri memilih dan melantik Tok Kadi sebanyak 6 orang. sebanyak 2 orang dari 6 orang Tok Kadi tersebut akan berada di pekabot Mahkamah untuk menerima surat pendakwaan. Apabila Tok Kadi tersebut telah mengesahkan surat itu, barulah Tok -Tok Kadi tersebut membuat keputusan. Ini adalah kali pertama pihak Siam mencampurtangan dalam hal ehwal agama Islam. Kemudian Kementerian dalam negeri mengeluarkan surat arahan bertarikh 10 Disember 1902 supaya Phraya Sukhum Naiwinit mengaturkan perubahan pentadbiran Mahkamah Shariah. Kemudian pada tahun

1915 di zaman Raja Rama VI pihak Kementerian kehakiman Siam telah mengambilalih hal ehwal mahkamah shariah dari Kementerian dalam negeri. Pihak Kementerian kehakiman Siam telah mengeluarkan peraturan supaya Tok Kadi dilantik oleh pesuruhjaya Monthon dan pengarah jabatan hakim, Kementerian kehakiman. Tok – Tok Kadi tersebut perlu dilantik dari kalangan mereka yang menyokong kerajaan Siam.<sup>47</sup> Dan jawatan Tok Kadi itu ditukarkan nama menjadi *Datuk Yuthitham* semenjak itu Tok Kadi bukan lagi dari kalangan ulama dan dipilih oleh pembesar Melayu. Dalam hal penghakiman penduduk Melayu tidak lagi berhak memilih mana-mana Tok kadi untuk membicarakan kes-kes mereka seperti semasa Tok Kadi dilantik oleh raja-raja Melayu, Tok Kadi atau *Datuk Yuthitham* hanya menjadi boneka kerajaan Siam, kerana setiap keputusan Mahkamah terletak ditangan hakim Siam. Tok Kadi atau *Datuk Yuthitham* sekadar menandatangani surat keputusan penghakiman tersebut.<sup>48</sup>

Keadaan seperti ini telah menyebabkan penduduk Melayu tidak mempercayai keputusan Mahkamah syariah tersebut, kerana hakim Siam telah mempengaruhi *Datuk Yuthitham* supaya membuat keputusan penghakiman mengikut apa yang dikehendakinya dengan tidak berdasarkan shariah Islam. Hal ini berlarutan sehingga pembubaran pentadbiran sistem Thesaphibal pada tahun 1933.

<sup>47</sup> Somchot Ongsakul , op. Cit. Muka 213

<sup>48</sup> Somchot Ongsakul , op. cit. Muka 214

Dalam tahun 1941, kerajaan Siam telah memansuhkan penghakiman syariah mengenai harta pusaka dan keluarga, seterusnya mewajibkan penduduk Melayu menggunakan saluran Mahkamah Siam. Setelah tamat perang dunia ke-II pihak kerajaan Siam telah mengembalikan Mahkamah syariah kepada penduduk Melayu dengan mengeluarkan peraturan mengenai undang-undang Islam di wilayah-wilayah Melayu iaitu Wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul pada tahun 1946. Dalam peraturan tersebut, Datuk Yuthitham diberikuasa untuk memutuskan kes-kes mengikut syariah Islam dan menandatangani dalam surat keputusan penghakiman tersebut.

Kemudian Datuk Yuthitham diserapkan ke Mahkamah sivil sebagai salah seorang hakim untuk menjalankan pembicaraan kes-kes mengenai harta pusaka dan keluarga. Sekarang Datuk Yuthitham dipilih mengikut syarat yang ditetapkan oleh Kementerian kehakiman iaitu berumur tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai pendidikan agama. Pihak Kementerian kehakiman akan mengiklankan jika berlaku kekosongan jawatan Datuk Yuthitham dan akan mengadakan ujian untuk mengisikan jawatan tersebut.

Di Thailand terdapat 2 lagi undang – undang mengenai Islam iaitu:<sup>49</sup>

#### **Undang – undang penaungan bahagian Islam tahun 1945**

Undang – undang tersebut telah dibaharui sekali lagi dalam tahun 1956. Isi kandungan undang-undang ini mengenai perlanltikan *Chularajmontri*

<sup>49</sup> Songkhram Cheunphibal , op. cit. Muka 101-103 , 105-107

atau Sheikhul Islam dan penubuhan Majlis agama Islam di wilayah – wilayah yang mempunyai jumlah penduduk beragama Islam yang ramai. Walaupun begitu *Chularajmontri* terdiri dari orang Islam di kawasan sekitar Bangkok. Ini kemungkinan berpunca dari campurtangan kerajaan Thailand secara tidak langsung dalam pemilihan bakal *Chularajmontri*. Pengkaji pernah diberitahu oleh beberapa pengamat politik tempatan bahawa dalam pemilihan *Chularajmontri* itu, setiap bakal yang berjaya mesti menaburkan ratusan ribu ringgit untuk mempengaruhi pengundi – pengundi yang terdiri dari wakil-wakil Majlis agama Islam di peringkat wilayah – wilayah seluruh Thailand.

#### **Undang – undang masjid tahun 1947**

Undang – undang ini adalah untuk mengawal pengurusan masjid. Pada peringkat awal imam-imam, bilal-bilal, khatib-khatib dan ahli jawatkuasa masjid dianggap oleh kerajaan Thailand sebagai “*Priest*”. Tarafnya sama seperti sami Buddha ataupun paderi, dengan anggapan itu menyebabkan mereka tidak berhak mengundi dalam pilihan raya Thailand beberapa hak lagi telah digugurkan. Dari anggapan tersebut berlaku beberapa kes contohnya Sdr. Man Samli, seorang Ketua kampung di Mukim Kampuan, Daerah Kaper, Wilayah Renong telah dilucutkan dari jawatan Ketua kampung pada 24 Februari 1969, kerana beliau dilantik menjadi ahli jawatankuasa Masjid Al-Kaufiyah di kampungnya. Bagaimanapun sekarang kedudukan mereka telah diubah mengikut keadaan semasa sehingga mereka mempunyai taraf seperti penduduk umum.

### **Dasar Siamisasi melalui pemindahan dan penempatan penduduk**

Dasar ini dijalankan untuk keseimbangan penduduk di Selatan Thailand khususnya di wilayah – wilayah Melayu. Thailand telah lama menjalankan dasar ini. Dasar pemindahan dan penempatan penduduk dibahagikan kepada 2 jenis iaitu:

Pertama, pemindahan penduduk Melayu ke bahagian tengah Thailand seperti ibu kota dan sekitarnya. Pemindahan penduduk Melayu dilakukan semenjak awal Era Bangkok. Setelah Raja Rama I dapat menguasai negeri Patani di zaman Sultan Muhammad menjadi raja Patani, penduduk Melayu Patani telah ditawarkan dan dibawa ke kota Bangkok. Kemudian setelah negeri Patani dipecahkan menjadi 7 buah negeri kecil, raja – raja Melayu Patani di negeri-negeri tersebut sekali lagi menentang kerajaan Siam dalam tahun 1832 semasa Raja Rama III menjadi raja Siam. Pihak raja-raja negeri Melayu Patani telah memberontak terhadap kerajaan Siam setelah negeri – negeri Melayu Patani itu tidak dapat mempertahankan kemerdekaannya, pihak Siam telah menawan penduduk Melayu termasuk wanita dan kanak-kanak, mereka dibawa ke kota Bangkok dengan berjumlah lebih dari 4,000 orang. Terdapat di antara mereka yang meninggal dunia di dalam perjalanan.<sup>50</sup>

Kedua, pemindahan dan penempatan penduduk keturunan Thai ke Selatan Thailand khususnya wilayah – wilayah Melayu. Pemindahan penduduk keturunan Thai ke negeri Patani dilakukan pertama kali ialah semasa Datuk pengkalan

<sup>50</sup> Pan-Ngam Ngauthamsorn, Kan Pokkhrong Hua Muang tang – tang Nai Rachsamai Prabat Somdej Prachulchomklao

“*Mari Belajar bahasa Thai*”. Setelah beberapa lama kemudian muncul stesen – stesen radio di wilayah Narathiwas. Sekatat ini wilayah Narathiwas mempunyai 7 stesen semuanya. Sebanyak 5 stesen terletak di Daerah Muang ataupun Bandar Narathiwas, masing-masing sebuah stesen di Daerah Sungai Padi dan Daerah Sungai Golok.

Beberapa projek telah dijalankan di wilayah – wilayah Melayu untuk menjayakan dasar Siamisasi melalui Media Massa ini seperti berikut:

#### **Projek pengagihan TV di wilayah – wilayah Selatan Thailand**

Projek ini adalah untuk mengubah minda penduduk Melayu supaya mereka mempunyai minda KeThaian.<sup>58</sup> Projek ini dijalankan dengan mengagihkan peti TV untuk tontonan bagi penduduk Melayu. Kampung – Kampung yang menjadi Kampung sasaran adalah sebanyak 238 buah Kampung. Kerajaan Thailand telah menjalankasn projek ini di sekitar awal tahun 1980-an.

#### **Projek pengagihan surat khabar**

Projek ini dijalankan oleh Pusat pendidikan luar sekolah bertujuan untuk menyebarkan surat khabar harian nasional ke seluruh kawasan sasaran. Setiap tempat atau pusat bacaan di kampung-kampung diagihkan sebanyak 2 naskah surat khabar harian secara percuma.<sup>59</sup>

beliau telah memainkan peranan penting untuk menarik penduduk Melayu dari mendengar stesen Radio Malaysia .

<sup>58</sup> Songkhrum Cheunphibal, op. cit. Muka 129

<sup>59</sup> Telah temubual dengan Tengku Hazami Binti Tengku Hussein di waktu dan tempat yang sama

pihak kerajaan Thailand secara tidak langsung khususnya dari pegawai-pegawai yang bersetuju dengan dasar tersebut.

Kelompok peneroka, kelompok ini terdiri dari penduduk keturunan Thai dari bahagian lain di Thailand khususnya bahagian timur-laut Thailand. Pada 3 Mei 1960 pihak kerajaan Thailand telah meluluskan dasar penerokaan kawasan di wilayah Narathiwat, Yala dan Setul. Dasar keseimbangan penduduk melalui pembukaan kawasan baru untuk penduduk keturunan Thai ini dikenali dengan nama “*Nikhom Sang Ton-Eng*”. Mengikut jangkaan, pihak kerajaan Thailand melalui rancangan “*Nikhom Sang Ton-Eng*” tersebut dapat memuatkan peneroka – peneroka dari keturunan Thai sebanyak 30,000 keluarga atau 150,000 orang.

Dalam proses dasar Siamisasi melalui pemindahan dan penempatan penduduk ini. Kita dapat mengesan keseimbangan di antara penduduk keturunan Melayu dengan penduduk keturunan Thai di wilayah – wilayah Melayu iaitu wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala seperti berikut.<sup>53</sup>

**Jadual 9. Perbandingan jumlah penduduk Melayu dengan Thai**

Tahun	Penduduk Melayu	%	Penduduk Thai	%
1906	208,076	85.98	33,929	14.02
1929	272,386	81.27	54,762	18.73
1985	629,839	73.58	226,112	26.42

<sup>53</sup> Sumber dari Thesaphibal, Kementerian Dalam Negeri Vol. 5 No.38 bertarikh 1 Mei 1910 dan National Statistical Office, Office of The Prime Minister, Bangkok tahun 1985-1990

1990	1,053,307	75.52	341,002	24.48
------	-----------	-------	---------	-------

Walaupun peratusan penduduk keturunan Melayu melambung naik setelah merosot dari tahun 1929, kerajaan Thailand telah menjalankan satu lagi projek iaitu "*Projek perancang keluarga*". Ini adalah untuk mengurangkan jumlah penduduk keturunan Melayu. Projek ini juga telah mempengaruhi sesetengah dari kalangan wanita Melayu di wilayah – wilayah Melayu. Dalam penempatan penduduk keturunan Thai ini berlaku beberapa peristiwa seperti penduduk keturunan Thai membeli tanah secara paksa sehingga beberapa kampung Melayu telah menjadi kampung -kampung penduduk keturunan Thai contohnya Kampung Baung, Kampung Khelek dan Kampung Bano kemudian ditukar menjadi Kampung Ban Rai setelah dibeli oleh penduduk keturunan Thai. Sdr.Ahmad Abdul Rahman<sup>54</sup> menyatakan di Kampung Bano atau Ban Rai kemudian hanya tinggal seorang penduduk Melayu yang enggan berpindah dari situ. Tetapi akhirnya penduduk tersebut terpaksa berpindah juga setelah lembunya dicuri orang. Kemungkinan pencurian itu dilakukan oleh penduduk keturunan Thai untuk memaksanya supaya berpindah dari kampung itu. Bagi Kampung Khelek berlaku pembunuhan seorang pemimpin agama di kampung tersebut sebelum kampung tersebut diambilalih oleh penduduk keturunan Thai.

<sup>54</sup> Telah temubual dengan Sdr. Ahmad Bin Abdul Rahman umur 36 tahun pada 12 September 2001 di Kedai pemiagaannya di Pekan Rantau Panjang, Kelantan.

### **Dasar Siamisasi penduduk Melayu melalui media massa**

Media massa adalah salah satu bidang yang memainkan peranan penting dalam menjayakan dasar Siamisasi. Di peringkat awal penduduk keturunan Melayu di wilayah-wilayah Melayu khususnya wilayah Narathiwat menerima saluran TV dan siaran Radio dari Malaysia. Kemudian pihak kerajaan Thailand telah menjalankan dasar Siamisasi dengan penubuhan stesen untuk memancarkan saluran TV dari stesen ibu di Bangkok. Penubuhan beberapa stesen radio di wilayah-wilayah Melayu. Media massa telah menjayakan dasar Siamisasi dengan kegiatan seperti berikut:

TV, setelah lama penduduk keturunan Melayu menerima saluran TV dari Malaysia, lalu kerajaan Thailand telah menubuhkan satu stesen untuk memancarkan saluran TV Channel 7. Walaupun semasa itu di Selatan Thailand telah lama mempunyai stesen TV Channel 10 yang bertapak di Hadyai dan stesen tersebut ditubuhkan pada 2 Mei 1962.<sup>55</sup> Tetapi saluran TV Channel 10 kurang mendapat sambutan dari penduduk Melayu. Kemudian pihak kerajaan telah memancarkan TV Channel 7 yang rancangannya lebih menarik dari TV Channel 10. Walaupun begitu pemancaran TV Channel 7 telah bertindih gelombangnya dengan RTM dari Malaysia. Strategi penyekatan saluran TV dari Malaysia dengan cara ini menyebabkan penduduk Melayu menerima saluran TV dari Malaysia kurang nyata. Sehingga berlaku kegelisahan di kalangan penduduk Melayu. Kemudian menyebabkan berlaku 3 biji bom meletup di wilayah Pattani pada 22-24 Mac 1981. Pihak

<sup>55</sup> Yongyuth Raksasri, Introduction to Radio and Television, (Nonthaburi: Sukhothai Thammathirat Open University, .

pegawai atasan di Selatan Thailand mengesyaki bahawa letupan bom itu berpunca dari saluran TV kedua-dua negara bertindih. Mr. Chatcheua Kannasut, pengerusi TV Channel 7 menafikan bahawa stesen pemancaran TV Channel 7 di Hadyai sebagai punca letupan bom tersebut.<sup>56</sup> Maka pihak kerajaan telah meluaskan saluran TV lagi seperti TV Channel 3, 5, 9 ke seluruh wilayah – wilayah Melayu. Bagi TV Channel 10 yang menjadi TV tempatan telah digabungkan dan menjadi stesen pemancaran untuk TV Channel 11 dari Bangkok. Sekarang TV Channel 11 telah menubuhkan stesen cawangan di wilayah Yala untuk mengeluarkan beberapa rancangan dalam bahasa Melayu tempatan. Terdapat sebuah lagi stesen TV iaitu ITV yang telah memancarkan salurannya ke wilayah-wilayah Melayu.

Radio, kerajaan Thailand telah melancarkan propagandanya dengan penubuhan beberapa buah stesen radio di Selatan Thailand antaranya dan Wilayah Narathiwat khususnya. Stesen radio pertama yang telah ditubuhkan di Wilayah Narathiwat ialah stesen Radio 912 yang terletak di Bandar Narathiwat. Stesen radio tersebut ditubuhkan pada 30 Oktober 1969.<sup>57</sup> Rancangan – rancangannya termuat dalam 3 bahasa iaitu bahasa Thai standard, bahasa Thai loghat selatan dan bahasa Melayu Patani. Terdapat beberapa rancangan stesen radio ini yang menjayakan dasar Siamisasi seperti rancangan

1997) Muka 90

<sup>56</sup> Majalah Prachamitr No. 138 bertarikh 4 April 1981 ; Fai Tai Panha Sumchai Rattaban. ( Bangkok Benjamitr Publisher, 1981 ) Muka 18-23

<sup>57</sup> Pengkaji telah beberapa kali melawat Stesen Radio ini untuk mendapat maklumat dan temubual dengan beberapa juruhebah keturunan Melayu di stesen tersebut di sekitar bulan November 2000. Salah seorang juruhebah tersebut menyatakan beliau pernah mendapat pujian dari salah seorang Perdana Menteri Thailand . Kerana

“*Mari Belajar bahasa Thai*”. Setelah beberapa lama kemudian muncul stesen – stesen radio di wilayah Narathiwas. Sekatat ini wilayah Narathiwas mempunyai 7 stesen semuanya. Sebanyak 5 stesen terletak di Daerah Muang ataupun Bandar Narathiwas, masing-masing sebuah stesen di Daerah Sungai Padi dan Daerah Sungai Golok.

Beberapa projek telah dijalankan di wilayah – wilayah Melayu untuk menjayakan dasar Siamisasi melalui Media Massa ini seperti berikut:

#### **Projek pengagihan TV di wilayah – wilayah Selatan Thailand**

Projek ini adalah untuk mengubah minda penduduk Melayu supaya mereka mempunyai minda KeThaian.<sup>58</sup> Projek ini dijalankan dengan mengagihkan peti TV untuk tontonan bagi penduduk Melayu. Kampung – Kampung yang menjadi Kampung sasaran adalah sebanyak 238 buah Kampung. Kerajaan Thailand telah menjalankasn projek ini di sekitar awal tahun 1980-an.

#### **Projek pengagihan surat khabar**

Projek ini dijalankan oleh Pusat pendidikan luar sekolah bertujuan untuk menyebarkan surat khabar harian nasional ke seluruh kawasan sasaran. Setiap tempat atau pusat bacaan di kampung-kampung diagihkan sebanyak 2 naskah surat khabar harian secara percuma.<sup>59</sup>

beliau telah memainkan peranan penting untuk menarik penduduk Melayu dari mendengar stesen Radio Malaysia .

<sup>58</sup> Songkhrum Cheunphibal, op. cit. Muka 129

<sup>59</sup> Telah temubual dengan Tengku Hazami Binti Tengku Hussein di waktu dan tempat yang sama

### Dasar penyelesaian masalah penduduk Melayu

Kerajaan telah menjalankan dasar Siamisasi penduduk Melayu di Selatan Thailand secara bertolak-ansur sehingga dasar Siamisasi di terima oleh penduduk Melayu. Tetapi masih terdapat kelompok-kelompok keturunan Melayu yang ingin mempertahankan jadinya Melayunya dengan berdasarkan sejarah Patani yang pernah merdeka dan mempunyai kekuasaan tersendiri dalam pentadbiran pemerintahan. Dengan itu muncullah beberapa pertubuhan sosial dan pertubuhan politik seperti *Anak Kelab*,<sup>60</sup> *GAMPAR* dan seterusnya *Barisan Nasional Pembebasan Patani* ( BNPP ), *Barisan Revolusi Nasional* ( BRN ) , *Pattani United Liberation Organisation* ( PULO ) dan *BERSATU*. Di peringkat pelajar-pelajar Melayu di Makkah tertubuhnya sebuah persatuan yang dinamakan *Jema'ah pelajar Siam* atau *JEPIS*.<sup>61</sup> Dari penentangan dasar Siamisasi yang telah dijalankan oleh kerajaan Thailand sekitar tahun 1960-1980-an itu, pihak kerajaan telah mengadakan beberapa projek untuk menarik sokongan penduduk Melayu kepada kerajaan Thailand untuk propaganda gambaran kerajaan Thailand kepada penduduk Melayu dan Dunia luar, beberapa projek penyelesaian masalah penduduk keturunan Melayu tersebut adalah seperti berikut:

<sup>60</sup> Laporan Pendakwaraya mengenai Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Dokumen Rama VI No. Mo.22/12, National Archives, Bangkok

<sup>61</sup> Telah temubual dengan Haji Abdul Rashid Haji Aziddin umur 67 tahun pada 25 Ogos 2000 di rumahnya di Bandar Narathiwat. Beliau adalah Pengasas dan Pengerusi pertama JEPIS semasa belajar di Makkah. Jawatan terakhirnya dalam perkhidmatan Kerajaan Thailand adalah Duta Thailand ke Negera Oman dan setelah pencen beliau menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat kemudian meletakkan jawatan

### **Pusat pentadbiran wilayah – wilayah Selatan Thailand**

Pusat pentadbiran wilayah – wilayah Selatan Thailand atau Southern boarder provinces administration center ini lebih dikenali dengan nama ringkasnya So. Oo. Bo. To. . Pada peringkat awal penubuhannya pihak kabinet Thailand telah meluluskan projek penubuhan pusat ini dengan menamakan projek pusat perhubungan pentadbiran wilayah Selatan Thailand pada 2 Jun 1964. Projek ini terlaksana pada 11 Januari 1965. Kegiatan awal pusat ini ialah sebagai badan penerangan kerajaan kepada penduduk Melayu dan mengadakan kursus orientasi kepada setiap lapisan kakitangan kerajaan yang akan berkhidmat di wilayah – wilayah Selatan Thailand. Kemudian pusat perhubungan pentadbiran ini diubahkan nama menjadi Pusat pentadbiran wilayah Selatan Thailand. Perubahan nama, struktur pusat ini turut diberikan kuasa lebih luas oleh kerajaan di Bangkok menyebabkan pusat ini menjadi badan induk bagi pentadbiran di wilayah-wilayah di Selatan Thailand . Bagai manapun badan ini telah dimansuhkan pada 1 Mei 2002. Badan baru yang akan mengambilalih fungsi badan lama itu belum lagi dinamakan.

### **Projek biasiswa pelajar-pelajar Melayu di Maktab perguruan**

Projek biasiswa ini dijalankan pada tahun 1970-an dengan tujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar Melayu memasuki maktab perguruan supaya setelah tamat pengajian dapat memainkan peranan penting dalam menjayakan dasar

Siamisasi penduduk Melayu dalam bidang pendidikan. Setelah keadaan berubah pelajar-pelajar Melayu semakin ramai memasuki maktab perguruan akhirnya projek ini tidak lagi diteruskan.

### **Projek kursus bahasa Melayu**

Projek kursus bahasa Melayu ini telah lama dijalankan. Pada peringkat awal, Pihak Kementerian dalam negeri telah bekerjasama dengan Universiti Chulalongkorn untuk mengadakan projek kursus bahasa Melayu pada tahun 1964 bagi kakitangan kerajaan yang akan berkhidmat di wilayah – wilayah Melayu. Semasa itu kursus tersebut dijalankan di Universiti Chulalongkorn di Bangkok. Kemudian kursus bahasa Melayu ini telah diambilalih oleh Pusat pentadbiran wilayah Selatan Thailand dengan kerjasama dari Prince of Songkhla University, Kampus Pattani. Pada tahun 2000 pihak pusat tersebut telah mengadakan projek kursus bahasa Melayu untuk ketua-ketua pejabat di daerah – daerah sasaran. Pengkaji telah membuat pemantauan terhadap projek ini, didapati projek ini kurang mendapat sambutan dari ketua-ketua pejabat, kerana mereka masih mempunyai pandangan yang negatif terhadap bahasa Melayu.<sup>62</sup>

### **Projek penghantaran wakil dalam pembacaan Al - Quran di peringkat antarabangsa**

Thailand telah menyertai majlis pembacaan Al-Quran antarabangsa di Kuala Lumpur Malaysia semenjak tahun 1962. Penghantaran wakil negara dalam

<sup>62</sup> Telain temubual dengan 2 orang Penolong Pegawai Daerah berketurunan Melayu di sekitar bulan September 2000. Mereka mengatakan kebanyakan kakitangan yang bersal dari wilayah - wilayah bukan Melayu menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa kaum minoriti dan tidak perlu dipelajari.

majlis tersebut diteruskan sehingga sekarang untuk menggambarkan sokongan kerajaan Thailand terhadap penduduk yang beragama Islam.

### **Projek penggalakan penduduk Melayu menyertai perkhidmatan Kerajaan**

Projek ini dijalankan untuk menarik sokongan penduduk Melayu dengan memberi peluang kepada anak-anak penduduk Melayu untuk mengikuti pelajaran di institusi-institusi khas seperti di Sekolah polis, Sekolah kastam, Sekolah keretapi, Sekolah kesihatan, Sekolah pos dan sebagainya. Setelah tamat pelajaran, mereka akan berkhidmat dengan jabat-jabatan itu. Bagaimanapun projek ini telah dihentikan setelah kemasukan ke sekolah-sekolah tersebut mendapat sambutan dari penduduk Melayu.

### **Projek penggalakan pelajar-pelajar Melayu memasuki IPTA**

Projek Jangka panjang ini dimulakan pada tahun 1971-76 untuk menggalakkan pelajar-pelajar melayu memasuki institusi-institusi pengajian tinggi awam dengan pihak kerajaan telah memberi kuota khas iaitu mereka yang terpilih di peringkat wilayah tidak perlu mengambil peperiksaan kemasukan Universiti atau yang dikenali dengan nama "*University Entrance Examination*". Mengikut Sdr. Mohammad Faye<sup>b</sup>,<sup>63</sup> kuota ini mula dikurangkan pada tahun 1988 dan setiap tahun dikurangkan sebanyak 20 peratus sekarang kuota khas ini telah tiada lagi.

<sup>63</sup> Telah tembeual dengan Sdr. Muhammad Faye<sup>b</sup> umur 47 tahun pada 7 November 2000 di Pekan Bachok. Beliau adalah seorang guru kerajaan di sebuah sekolah agama di Daerah Bachok dan pernah berkhidmat di bahagian pendidikan di Pusat Pentadbiran Wilayah Selatan Thailand

### **Projek penyerapan kurikulum pengajian Islam ke sekolah-sekolah rendah**

Kurikulum di sekolah-sekolah rendah pada peringkat awal termuat beberapa mata pelajaran yang bercanggah dengan ajaran agama Islam, seperti mewajibkan pelajar-pelajar termasuk pelajar-pelajar Melayu mengambil mata pelajaran agama Buddha. Untuk meredakan ketegangan dari penduduk Melayu, Lebih-lebih lagi dari pihak pertubuhan – pertubuhan pembebasan Patani yang menyatakan pihak kerajaan Thailand memaksakan pelajar-pelajar Melayu belajar mata pelajaran agama Buddha, kerajaan Thailand telah mengelakkan diri dari dakwaan tersebut dengan pihak kementerian pendidikan telah melonggarkan mata pelajaran agama Buddha sebagai mata pelajaran pilihan bukan lagi mata pelajaran wajib. Kemudian pihak kementerian pendidikan telah meluluskan projek pengajian Islam di sekolah-sekolah rendah dalam kawasan wilayah – wilayah Melayu pada tahun 1975. Projek ini mulai dijalankan di beberapa buah sekolah pada tahun 1976.

Kemudian kurikulum pengajian Islam tersebut diubahsuai mengikut kurikulum pendidikan sekolah rendah tahun 1978. Bagaimanapun kurikulum pengajian Islam tersebut mulai dijalankan di seluruh wilayah – wilayah Melayu secara berperingkat-peringkat pada tahun 1981. Tenaga – tenaga pengajar terdiri dari guru-guru Melayu yang mempunyai kelulusan agama dan berkhidmat secara kontrak dari tahun ke tahun. Dalam tahun 1982 khususnya di wilayah Narathiwat mempunyai jumlah tenaga pengajar sebanyak 147 orang. Dalam tahun 1991 jumlahnya bertambah menjadi 286 orang. Kurikulum pengajian Islam ini telah dijalankan secara menyeluruh di wilayah Narathiwat pada tahun 2000 iaitu

sebanyak 325 buah sekolah rendah dengan jumlah tenaga pengajar sebanyak 337 orang.<sup>64</sup>

Kurikulum pengajian Islam ini termuat 8 mata pelajaran iaitu mata pelajaran tauhid, feqah, sejarah nabi, akhlak, Al-Quran, tajwid, pengetahuan asas agama Islam ( bahasa Melayu tulisan Jawi ) dan pengetahuan asas agama Islam ( bahasa Arab ). Masa pembelajaran adalah 2 jam/perbilik/seminggu dan memakan masa sebanyak 80 jam dalam satu tahun. Bagaimanapun status tenaga tenaga pengajar di wilayah Narathiwat telah dijeniskan kepada 3 peringkat iaitu pertama sebanyak 26 orang telah diserapkan sebagai kakitangan penuh kerajaan, yang kedua adalah sebanyak 54 orang telah ditetapkan ke dalam kategori kontrak tetap iaitu pencen pada umur 60 tahun seperti kakitangan penuh kerajaan, dan yang ketiga sebanyak 257 orang yang masih di dalam kategori kontrak sementara dari tahun ke tahun.<sup>65</sup> Ketiga-tiga Kategori tersebut diserapkan mengikut kelayakan mereka. Penggunaan penjenisan ini kemungkinan berdasarkan kepada “ *Divide and Rule* ” secara halus. Ini dapat melemahkan semangat kekitaan dan perpaduan secara tidak langsung di kalangan tenaga pengajar tersebut.

#### **Diskriminasi kakitangan kerajaan Thailand**

Terdapat beberapa kajian berkenaan dengan diskriminasi kakitangan kerajaan Thailand terhadap penduduk Melayu. Beberapa diskriminasi tersebut adalah seperti berikut.<sup>66</sup>

<sup>64</sup> Telah temubual dengan Sdr. Nurdin Bin Hussein umur 40 tahun pada 18 November 2000 di rumahnya di Kampong Duku. Beliau adalah tenaga pengajar pengajian Islam di Sekolah Rendah Ban Duku.

<sup>65</sup> Buku Laporan 20 Tahun Pengajian Islam, Pejabat Pendidikan Wilayah Narathiwat, 2000.

<sup>66</sup> Kitti Rattanachaya ( Lef. General ), Paha Khuam Sampan Rawang Chao Thai Bhud Laek Chao Thai Muslim Nai Si

1. Sifat tidak ikhlas, penduduk keturunan Melayu menganggap kakitangan kerajaan tidak ikhlas terhadap mereka. Ini terbukti apabila kakitangan peringkat atasan memberitahu sesuatu yang rahsia, negatif dan sensitif mengenai masyarakat Melayu kepada pegawai-pegawai kerajaan dari keturunan Melayu setelah mereka tersilap anggap pegawai-pegawai tersebut keturunan Thai.<sup>67</sup> Mereka berpura-pura baik di depan sahaja.<sup>68</sup>

2. Sifat menghina atau memandang rendah, kebanyakan kakitangan kerajaan dari kalangan keturunan Thai menganggap penduduk Melayu sebagai kelompok minoriti. Dengan itu mereka menamakan penduduk keturunan Melayu dengan perkataan yang negatif sebagai "*Khaek*" ataupun "*penumpang (bumi)*". Perasaan ini masih wujud di kalangan setengah kakitangan kerajaan dan penduduk keturunan Thai.

3. Sifat pilih kasih, sifat pilih kasih dan sifat tidak seimbang ini memang wujud di kalangan kakitangan kerajaan contohnya mereka melambatkan surat tawaran kemasukan university di luar negeri seperti surat dari pejabat gubernor Narathiwat No. N. Th. 0032/Wo. 4962 bertarikh 16 Oktober 2000.

Changwad Phak Tai, Bangkok, 1990 muka 41-43

<sup>67</sup> Telah diberitahukan oleh pegawai-pegawai kerajaan keturunan Melayu yang bertugas di bawah pejabat pendidikan daerah di Daerah Bachok dan di sebuah Kolej Perguruan di Wilayah Yala

<sup>68</sup> Kakitangan kerajaan dan penduduk keturunan Thai akan menyebut "Muslim" atau "Islam" apabila berdepan dengan penduduk keturunan Melayu. Sebaliknya mereka akan menyebut "Khaek" apabila mereka bercakap di antara mereka.

Terdapat beberapa diskriminasi yang berlaku di wilayah - wilayah Melayu. Haji Shafie Bin Haji Abdul Kadir<sup>69</sup> salah seorang Melayu dari Bangkok yang pernah mengikuti rombongan penerangan agama Islam tajaan kementerian dalam negeri Thailand ke wilayah - wilayah Melayu pada tahun 1970-an, menyatakan rombongan penerangan tersebut melawat ke wilayah - wilayah Melayu setiap bulan hingga tahun 1976. Rombongan penerangan tersebut tidak mempunyai masalah dengan penduduk Melayu tempatan, sebaliknya mereka mempunyai masalah dengan beberapa kakitangan kerajaan keturunan Thai - Buddha yang tidak memahami kebudayaan Melayu tempatan, kerana kakitangan kerajaan keturunan Thai tidak memahami dan mempunyai pandangan negatif terhadap penduduk Melayu menyebabkan berlaku beberapa diskriminasi.

Sdr. Abdul Latif Che' Yusuf<sup>70</sup> seorang bekas pegawai polis berpangkat Leftenan muda di Daerah Bachok mengatakan beliau telah 3 kali mengambil peperiksaan kenaikan pangkat dari pangkat asalnya sebagai sarjan. Tetapi beliau gagal dalam peperiksaan tersebut. Maka terdapat salah seorang rakan polisnya bergurau dengan mengatakan jika ingin kenaikan pangkat mesti menukar nama ke bahasa Thai. Sdr. Abdul Latif menegaskan lagi, Sdr. Tuan Sulong Budor salah seorang polis dari kalangan kerabat Diraja kota di pinggir Kampung Duku telah dipindahkan dari Daerah Bachok, kerana beliau mempunyai nama familinya "*Budor*" yang melambangkan kerabat Diraja tersebut. Sifat negatif masih terbenam dalam jiwara pegawai-pegawai Kerajaan Thailand. Mengikut pengalaman yang

<sup>69</sup> Majalah Annas Tahun 1 No. 3 bulan Januari 2001, Bangkok Muka 21

<sup>70</sup> Telah temubual dengan Sdr. Abdul Latif Che' Yusuf umur 70 tahun pada 12 September 2000 di Pekan Bachok.

telah dilalui Sdr. Abdul Latif Che' Yusuf semasa dalam perkhidmatannya. pegawai-pegawai polis keturunan Thai tidak memberi kepercayaan sepenuhnya kepada anggota polis keturunan Melayu.

Terdapat beberapa diskriminasi yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan Thailand yang mempunyai sifat negatif terhadap penduduk Melayu. Beberapa peristiwa diskriminasi adalah seperti berikut:

Pada tahun 1986 Sdri. Prangthip Sasanaphibal seorang Melayu yang telah menukar namanya kepada bahasa Thai semasa beliau akan memulakan tugasnya sebagai kakitangan kerajaan di pejabat gubernor Wilayah Pattani. Pejabat gubernor tersebut melarangnya memakai pakaian berhijab. Lebih malang lagi ialah Sdri. Saranja Muangman seorang guru yang berhijab di Sekolah Rendah Chonprathan Wittaya di Wilayah Pattani, telah dipecat dari jawatan guru mengikut surat arahan No. 4/1986 dari guru besar sekolah tersebut. Keadaan lebih serius lagi setelah ketua pengarah pusat pentadbiran wilayah - wilayah Selatan atau SPBAC mengeluarkan surat arah No. Mo. Tho. 1503/330 bertarikh 10 September 1986.<sup>71</sup> Isi kandungan surat arahan tersebut berbunyi "*walaupun pakaian berhijab adalah pakaian yang diwajibkan oleh Islam. Tetapi pakaian tersebut bercanggah dengan peraturan pakaian bagi kakitangan kerajaan. Jika kakitangan kerajaan dan pelajar-pelajar dalam Wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul memakai pakaian berhijab. Ia bukan hanya bercanggah dengan peraturan kerajaan, tetapi menyebabkan konflik dari segi politik dan psikologi*

<sup>71</sup> Majalah The Islamic Guidance Post Tahun 10 No. 59 Bulan Jun-Julai 1994

*sosial di dalam negara seterusnya akan menjadi punca peperangan serta menimbulkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan terhadap keselamatan negara". Surat tersebut adalah sebagai isyarat kebenaran untuk bertindak diskriminasi ke atas penduduk Melayu.*

Pada tahun 1987 Semasa Sdri. Rojana Somchari yang berkelulusan farmasi akan memulakan tugasnya sebagai kakitangan kerajaan di Hospital Sungai Golok, beliau masih dilarang berhijab oleh pengarah Hospital tersebut. Walaupun semasa itu kementerian dalam negeri telah melonggarkan peraturan dengan kakitangan kerajaan boleh berhijab. Dalam tahun tersebut pelajar-pelajar dari Kolej Perguruan Yala dan lain-lain lagi lebih kurang 20 ribu orang telah mengadakan tunjuk perasaan di depan masjid besar di wilayah Yala menuntut supaya pelajar-pelajar Melayu dibenarkan. berpakaian hijab kemudian kerajaan telah akur dengan tuntutan tersebut.<sup>72</sup>

Walaupun kerajaan telah melonggarkan peraturan berpakaian hijab. Tetapi terdapat beberapa pegawai kerajaan tidak mematuhiya seperti yang berlaku pada tahun 1993, pengarah Kolej kejururawatan wilayah Songkhla masih tidak membenarkan pelajar-pelajarnya berpakaian hijab. Pihak kementerian kesihatan baru sahaja membenarkan pelajar-pelajar kejururawatan boleh berpakai hijab pada awal bulan Januari 2002. Pada tahun 1993 juga Sdri. Kalsom Upatham dan Sdri Chanchira Tuan Minal kedua-duanya adalah pelajar Kolej perguruan Yala, (Sekarang Rajabhat Institute Yala). Mereka dihina oleh pensyarahnya dan tidak dibenarkan

<sup>72</sup> Ibid.

mengambil peperiksaan mata pelajaran pensyarah tersebut selagi mereka masih berpakaian hijab. Akhirnya kedua-dua pelajar tersebut menarik diri dari menjadi pelajar kolej tersebut.<sup>73</sup>

Pada tahun 1996 Che' Kalsom Usma seorang guru bahasa Inggeris di Sekolah Phiman Pitayasan di Wilayah Setul, telah dipaksa oleh guru besarnya supaya jangan berpakaian hijab. Pada tahun tersebut juga Sdr. Mohammad Nor Haji Yusuf seorang guru di Sekolah Menengah Dechapattanayanukul di Wilayah Pattani telah dipindahkan dari jawatannya sebagai ketua pentadbiran pelajar, kerana beliau didapati bersalah iaitu berjanggut walaupun hanya berjanggut nipis.<sup>74</sup>

Pada tahun 1997 Sdri Saranja Thanomwong, seorang guru di Sekolah Surau Pak Khlong 20 di sebuah kawasan masyarakat keturunan Melayu di pinggir kota Bangkok, telah di pindah dari sekolah tersebut kerana menggalakkan pelajar-pelajar perempuan beragama Islam berpakaian hijab.<sup>75</sup>

Pada tahun 2000 masih berlaku diskriminasi pakaian berhijab seperti beberapa orang lepasan institut pengajian tinggi dari wilayah - wilayah Melayu termasuk Sdri. Khadijah Wakwa yang memohon untuk menjadi guru. Tetapi Borang permohonan mereka ditolak kerana berpakaian hijab.

<sup>73</sup> *Majalah Muslim News* Tahun 2 No. 18 Tarikh 20 Oktober - 20 November 1997

<sup>74</sup> *Majalah The Islamic Guidance Post* Tahun 11 No. 172 Tarikh 15 November - 15 Disember 1995

<sup>75</sup> *Majalah The Islamic Guidance Post* Tahun 15 No. 193 Bulan Oktober 1995

Terdapat beberapa tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kakitangan kerajaan. sebaliknya pihak tersebut menuduh bahawa pihak pertubuhan pemisah adalah pelaku tindakan itu, seperti peristiwa pembakaran sekolah - sekolah rendah secara serentak sebanyak 36 buah pada 1 Ogos 1993 di Wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala. Kemudian terdapat beberapa bukti yang dapat mengesahkan bahawa pelaku-pelaku tindakan tersebut ada kaitan dengan pihak kakitangan kerajaan. Sdr. Abdullah ( bukan nama sebenar ), petugas di sebuah balai polis dalam Wilayah Narathiwat menyatakan, terdengar perbincangan rahsia di antara ketua balai polisnya dengan salah seorang pegawai polis berpangkat Jeneral sebelum tindakan itu di lakukan pada keesokan hari.

### **Mempertahankan jatidiri Melayu**

Dasar Siamisasi yang telah dijalankan oleh kerajaan Thailand dapat memberi kesan kepada penduduk Melayu sehingga segolongan penduduk Melayu khususnya di wilayah Narathiwat lebih menggalakkan anak-anak mereka belajar di negeri Kelantan yang lebih terjamin masa depan mereka serta dapat mempertahankan jatidiri Melayu mereka. Penghantaran anak-anak tersebut telah menimbulkan tandatanya bagi pihak kerajaan Thailand mengenai keselamatan negara. Pihak kerajaan Thailand telah membuat banciaan ke atas pelajar-pelajar Melayu di wilayah Narathiwat yang sedang belajar di negeri Kelantan. Contohnya pada tahun 1983 terdapat seramai 888 orang.<sup>76</sup> Kemungkinan jumlah ini telah bertambah dalam tahun 2003.

<sup>76</sup> Kitti Rattanachaya op. Cit. Muka 61

Terdapat beberapa projek yang telah dijalankan oleh pihak kelompok cendekiawan Melayu Patani untuk mempertahankan jatidiri Melayu di Selatan Thailand. Walaupun begitu usaha ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan dasar Siamisasi yang sedang dijalankan oleh kerajaan Thailand. Projek yang telah diusahakan oleh kelompok cendekiawan Melayu tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, projek tenaga pengajar bahasa Melayu di Prince of Songkhla University, Kampus Pattani. Projek ini dijalankan oleh universiti tersebut di bawah pimpinan Prof. Madya Dr. Ahmad Idris @ Worawit Baru<sup>77</sup> dengan kerjasama dari Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur. Pihak Dewan Bahasa Dan Pustaka telah menempatkan pegawainya di Jabatan Bahasa Melayu di Universiti tersebut.

Kedua, projek pakej bantuan pendidikan, kemahiran dan pengurusan masjid. Projek ini dijalankan oleh Majlis agama Islam di wilayah-wilayah Melayu dengan kerjasama dari sebuah badan NGO di bawah naungan Dato' Paduka Dr. Abdul Hamid Othman. Projek ini telah dijalankan dengan mengambil pelajar-pelajar Melayu dari wilayah-wilayah Melayu untuk belajar ilmu kemahiran di Giat Mara dan Institut Kemahiran Mara di Malaysia.<sup>78</sup> Usaha ini bukan sahaja pelajar-pelajar tersebut dapat mempelajari ilmu kemahiran di Malaysia, tetapi mereka dapat membawa bahasa Melayu standard dan minda kemelayuan pulang ke tempat masing-masing. Satu lagi yang telah dijalankan oleh projek ini ialah mengadakan

<sup>77</sup> Telah temubual dengan Prof. Madya Dr. Ahmad Idris @ Worawit Baru pada 4 Ogos 2000 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Prince of Songkhla University Kampus Pattani.

<sup>78</sup> Telah temubual dengan Tuan Haji Abdul Rahman Abdul Samad Yang DiPertua Majlis Agama Islam

kursus bahasa Melayu di Majlis agama Islam di wilayah-wilayah Melayu. Pengkaji telah memantau dan cuba mengikuti kursus tersebut, didapati peserta-peserta yang terdiri dari guru-guru TADIKA dan sekolah-sekolah agama masih mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu standard di tahap amat rendah. Mengikut seorang tenaga pengajar yang datang dari negeri Kelantan, kursus tersebut adalah pakej ketiga. Pada pakej pertama dan kedua beliau telah membuat penilaian bahawa pakej-pakej tersebut tidak berjaya.

Terdapat beberapa kegiatan kebudayaan Melayu yang telah dijalankan oleh beberapa badan. Selain dari Jabatan Melayu di Prince of Songkhla University, Kampus Pattani yang kerjasama dengan GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia) di bawah pimpinan Tan Sri Dato' Prof. Emeritus (Dr.) Ismail Hussein dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah mengadakan beberapa seminar kesusasteraan Melayu termasuk program "*Malam Puisi Melayu*" yang diadakan di Kampus Universiti tersebut.<sup>79</sup> Salah satu badan yang memainkan peranan ini ialah Badan penyelarasan dan penerapan bahasa Melayu yang mengadakan "*Malam Kesusasteraan Melayu*". Kegiatan Badan ini berlainan dari Jabatan Melayu di Prince of Songkhla University, kampus Pattani, mereka mengadakannya dengan bergilir-giliran tempat contohnya Malam Kesusasteraan Melayu ke III diadakan di Daerah Bachok, Wilayah Narathiwah sebelum itu mereka mengadakannya di Daerah Muang, Wilayah Pattani dan Daerah Reman, Wilayah Yala.

<sup>79</sup>Wilayah Narathiwah pada 7 Ogos 2000 di Pejabat Majlis Agama Islam yang terletak di Bandar Narathiwah.

<sup>79</sup>Telah temubual dengan Sdr. Syed Abdullah Al-Jufri Ketua Jabatan Melayu PSU pada 4 Ogos 2000 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Prince of Songkhla University Kampus Pattani.

Foto 3. Poster Malam Kesusasteraan Melayu

**تاکون ملايو دینغ ددنیا**  
**III**  
 2001/8/4  
 08.00 - 16.00 (سیاغ ماری) فرتیدین تادیکا قوساکا منارا  
 2001/8/5  
 08.00 - 16.00 (سیاغ ماری) فرتیدین جومن تادیکا لسلان (فرکاس) ک-4  
 20.00 - 24.00 (مالم) فرسین مالم کوسوسون ملایو III  
 - - میاج لویسی سلان ماری تاهار دان لوار  
 - - فرتوجونین برامار  
**4-5 AUGUST 2001**  
 برتمفت دجلوتوغ، مقیم گاجه ماتی  
 دائره باجق، ولایه منارا.  
**Anjuran:**  
 Majlis Agama Islam Wilayah Menara  
 Badan Penyelaras dan Penerapan Bahasa Melayu (BPI'BN)  
 Pusat Penyelaras Tadika Selatan (PERKASA)  
 Pusat Perituan Wilayah Menara  
 Pusata Perituan Tadika Menara (PUSAKA)

“Malam Kesusasteraan Melayu III” yang diadakan pada 1-3 Ogos 2001 di sebuah sekolah agama dalam mukim Gajah Mati, Daerah Bachok, Wilayah Narathiwas. Kita dapat melihat pengaruh bahasa Thai dalam poster tersebut. Walaupun ia berkaitan dengan kebudayaan Melayu tetapi masih terdapat bahasa Thai dalam poster itu.

Satu lagi badan yang berperanan dalam kegiatan kebudayaan Melayu ialah Pusat kebudayaan sempatan Selatan yang dipimpin oleh Sdr. Tengku Ariffin Bin Tengku Chik, Timbalan ketua polis wilayah Narathiwas. Badan ini telah menerbitkan sebuah majalah tidak berkala bernama "*Suara Budaya*". Walaupun begitu majalah ini dikeluarkan dalam bahasa Thai, memandangkan majalah berbahasa Thai lebih mendapat sambutan dari majalah berbahasa Melayu.<sup>80</sup> Pernah terdapat sebuah majalah yang bernama "*Suara Masjid*" di bawah naungan Masjid Wadil Hussein, Telok Manak Daerah Bachok. Tetapi majalah berbahasa Melayu tulisan Jawi ini hanya dikeluarkan beberapa kali sahaja.<sup>81</sup> Begitu juga dengan Majlis agama Islam wilayah Yala menerbitkan sebuah majalah "*Al-Iktisom*" dan Majlis agama Islam wilayah Pattani menerbitkan majalah "*Fajar*".

### **Penubuhan institusi pendidikan di luar sistem pendidikan kerajaan**

Terdapat beberapa institusi pendidikan yang telah ditubuhkan oleh pendidik-pendidik Melayu. Institusi-institusi tersebut menjalankan kegiatan di luar kawalan dan di luar sistem pendidikan kerajaan Thailand. Institut-institut tersebut adalah seperti berikut:

1. Institut pendidikan Islam atau dikenali dengan nama ringkasnya IPI.

Kerajaan Thailand mengeluarkan arahan supaya pondok-pondok pendidikan Islam di Selatan Thailand didaftarkan dengan pihak kerajaan. Ustaz Abdul Karim Hassan, Tuan guru Pondok Nahdatul Syuban di Daerah Rusu atau Jabat, Wilayah

<sup>80</sup> Telah temubual dengan Sdr. Abdullah Abdul Rahman, Pengarang Majalah *Suara Budaya* pada 7 Ogos 2000 di Rumahnya di Bandar Narathiwas.

<sup>81</sup> Pengkaji pernah diberitahu bahawa rencana-rencana dalam majalah *Suara Masjid* ditulis oleh beberapa orang

Narathiwas adalah pengasas pertubuhan pemisah yang bernama BRN( Barisan Revolusi Nasional Patani ). Dalam penentangan dasar Siamisasi itu beliau memilih jalan menentang kerajaan dengan berjuang secara bawah tanah. Maka beliau menubuhkan sebuah institusi pendidikan tersebut di negeri Kelantan untuk mendidik dan melatih anak-anak Melayu Patani. Peristiwa ini berlaku sekitar tahun 1968 dengan institusi pendidikan tidak formal ini bertapak di bangunan Madrasah Al-Asriyah, Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan.<sup>82</sup> Pada peringkat awal institusi ini terletak di Langgar, Kota Bharu, Kelantan. Bagaimanapun institusi ini hanya bertahan beberapa tahun sahaja.<sup>83</sup>

## 2. Kuliyah At-Tarbiah Wal Dakwah Al-Fatani .

Institusi ini menjalankan pengajaran pada hari minggu atau hari Sabtu-ahad. Dengan itu institusi Kuliyah ini lebih dikenali dengan nama *Kuliyah Sore*. Institusi ini ditubuhkan sekitar tahun 1977<sup>84</sup> oleh Sdr. Ahmad Samuddin, yang berkelulusan dari Indonesia. Kuliyah Sore dianggap sebagai institusi tidak formal, kerana menumpang bangunan di sebuah sekolah agama yang terletak di Cerang Batu di pinggir Bandar Pattani. Mengikut maklumat dari bekas pelajarnya, setelah pelajar-pelajar tamat dari Kuliyah ini, mereka boleh menyambung pelajaran di beberapa Universiti swasta di Indonesia yang telah membuat perjanjian

pensyarah di Jabatan Melayu di PSU .

<sup>82</sup> Telah temubual dengan Ustaz Abdul Ghani Abdulh umur 51 tahun pada 19 Mac 2001 di Pekan Sungai Golok .

Beliau adalah Ustaz di Sekolah Agama Nahdatul Syuban , Daerah Jabat Wilayah Narathiwass .

<sup>81</sup> Telah temubual dengan Ustaz Abdul Rahman Pulajama umur 47 tahun pada 25 Mac 2001 di Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwass

<sup>84</sup> Telah temubual dengan Sdr. Abdul Samad Mohd. Tahir umur 44 tahun pada 22 Mac 2001 di Pekan Bachok . Beliau adalah bekas murid Sekolah tersebut dan sekarang menjadi Ketua Mukim Berek Tai di Daerah Bachok .

persefahaman dengan kuliyyah tersebut. Pada awal tahun 1980-an kegiatan Kuliyyah ini terhenti setelah Sdr. Ahmad Samuddin ditembak mati oleh pihak tertentu.

### 3. Institut Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani .

Institusi ini dianggap sebagai bahagian pendidikan tinggi bagi sekolah agama yang bernama *Maahad Al-Bitsa'* yang terletak di Bandar Yala. Institusi ini mempunyai kurikulum tersendiri seperti juga dengan Kuliyyah Sore, iaitu mereka telah membuat perjanjian persefahaman dengan 3 buah Universiti swasta di Indonesia<sup>85</sup> pelajar-pelajarnya dapat menyambung pelajaran di Universiti tersebut. Sekarang Institusi ini masih menjalankan kegiatannya.

### 4. Kolej Islam Yala ( Yala Islamic College )

Dalam tahun 1963 sekelompok pendidik-pendidik Melayu Patani melahirkan pemikiran untuk menubuhkan sebuah Kolej Islam swasta dengan terbentuknya "*Jawatankuasa penaja projek Kolej Islam swasta Selatan Thailand*". Kemudian dalam tahun 1985 Jawatankuasa penaja tersebut telah membuat permohonan kepada kerajaan untuk menubuhkan Kolej swasta. Dalam tahun tersebut juga sebuah yayasan yang bernama "*Yayasan Islam Wilayah Yala*" telah meminta bantuan dari pihak Islamic Development Bank ( IDB ) untuk menubuhkan sebuah Kolej Islam. Kemudian dalam tahun 1986 pihak IDB telah meluluskan bantuan untuk penubuhan Kolej Islam tersebut. Maka dalam tahun 1987 Yayasan Islam Wilayah Yala telah bergabung menjadi satu dengan Jawatankuasa penaja projek Kolej Islam swasta Selatan Thailand. Pembinaan Kolej

<sup>85</sup> Telah temubual dengan Ustaz Ahmaddaluddin Bin Ismail umur 26 tahun pada 19 Februari 2001 di Maahad Al-Bitsa'

Islam tersebut telah siap pada tahun 1989. Kemudian kegiatan Kolej ini terhenti beberapa lama kerana kekurangan peruntukan untuk menjalankan kegiatannya. Kolej Islam ini telah diambilalih oleh sebuah yayasan yang bernama "Yayasan pendidikan tinggi Islam Selatan Thailand" pada 1995. Kolej ini telah menjalankan pengajarannya beberapa tahun sebelum mendapat kebenaran secara rasmi dari pihak kementerian pendidikan tinggi Thailand pada tahun 1998. Kolej ini mempunyai kurikulum tersendiri dengan terdapat 2 fakulti iaitu Fakulti Usuluddin dan Fakulti Syariah.<sup>86</sup> Sesuai dengan penubuhan dan pengurusan Kolej yang diuruskan oleh mereka yang berkelulusan dari negara-negara timur tengah sebalik itu kurikulumnya cenderung kepada kearaban dan fahaman Wahabi. Fahaman yang tidak diterima oleh majoriti penduduk Melayu tempatan. Dengan itu pelajar - pelajar Kolej ini hanya terdiri dari anak-anak penduduk Melayu yang menerima fahaman tersebut sahaja. Bagaimanapun Kolej ini boleh dianggap sebagai Kolej Islam tunggal yang mendapat kebenaran dan pengiktirafan kurikulumnya dari pihak kerajaan Thailand. Sekarang Kolej sedang berusaha menaikkan taraf menjadi sebuah Universiti swasta.

#### 5. Maahad Darul Maarif

Institut ini diataskan oleh Haji Mohd. Sulong Tok Mina, seorang ulama Melayu Patani. Institut ini juga dianggap institut pengajian tinggi di peringkat "Al-Aliyah". Bangunannya terletak di dalam kawasan pejabat Majlis agama Islam Wilayah Patani.

di Bandar Yala. Beliau adalah bekas Murid Institut tersebut dan sekarang menjadi Ustaz di Maahad tersebut.

Dalam tahun 1999, Sdr. Nasir Ramli, seorang lulusan dari Universitas Nasional Indonesia yang berasal dari Daerah, Bachok, Wilayah Narathiwat telah mencetuskan satu rancangan iaitu untuk mewujudkan pengajian Jarak Jauh dari Universitas Nasional (UNAS), Jakarta.<sup>87</sup> Cadangan tersebut mendapat sokongan dan persetujuan dari beberapa cendekiawan dan Tok - Tok Guru di Daerah Jeringa dan Bachok. Kemudian pencetus cadangan tersebut telah meninggal dunia secara mengejut sehingga cadangan tersebut terkubur begitu sahaja. Walaupun cadangan ini belum terlaksana, tetapi cadangan ini perlu diambil kira kerana ia adalah salah satu cadangan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang terkeluar dari sistem pendidikan Thailand.

Dalam bidang pendidikan Islam ini, pihak kerajaan Thailand telah berusaha menarik minat penduduk Melayu dari menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran di timur tengah dengan menubuhkan sebuah Kolej yang bernama "*Kolej Pengajian Islam*" atau "*College of Islamic Studies*". Kolej ini dinaikkan taraf dari Jabatan pengajian Islam di bawah Fakulti Sains sosial dan kemanusiaan menjadi sebuah Kolej atau setaraf fakulti di Prince of Songkhla University Kampus Pattani.

### **Penentangan kerajaan dan insiden berdarah**

Pihak kerajaan menjalankan dasar Siamisasi semenjak dari zaman raja Rama V. Sejak itu berlaku beberapa insiden berdarah di wilayah - wilayah

<sup>86</sup> [www.yicyala.cjb.net](http://www.yicyala.cjb.net)

<sup>87</sup> Buku Cadangan Pengajian Jarak Jauh Universiti Nasional Jakarta di Selatan Thailand, 1999.

Melayu itu. Insiden-insiden yang telah dicatatkan dalam sejarah penentangan kerajaan Siam adalah seperti berikut:

Insiden pertama, insiden ini berlaku di akhir zaman Raja Rama V iaitu insiden penentangan kerajaan Siam yang diketuai oleh Haji Bulat dan Haji Wan Chik.<sup>88</sup> Kelompok penduduk Melayu ini berkumpul di Kampung Bendang Badak, Daerah Yarang atau Pinjar Lima, negeri Patani. Pertempuran di antara kedua-dua pihak telah berlaku pada 31 Julai 1909. Dalam pertempuran tersebut Luang Borirak, Pegawai Daerah Yarang telah ditetak di bahagian kepala dan tangan sehingga hampir maut. Walaupun pihak kerajaan Siam dapat mematahkan penentangan ini, tetapi Haji Wan Chik dapat melarikan diri. Hanya Haji Bulat sahaja dapat ditangkap oleh kerajaan Siam. Beliau telah dijatuhkan hukuman penjara selama 13 tahun.<sup>89</sup>

Insiden kedua, insiden ini berlaku pada awal zaman Raja Rama VI iaitu selepas berlaku insiden pertama selama 2 tahun. Dalam insiden ini, penduduk Melayu diketuai oleh seorang yang bergelar Tok Tae atau Tok Tam (Kemungkinan Hitam). Kelompok penduduk Melayu ini menentang kerajaan Siam berkenaan dengan pungutan cukainya terhadap penduduk Melayu. Insiden ini melibatkan berlakunya pertempuran sebanyak 2 kali. Kali pertama berlaku pada 2 September 1911 dengan penduduk keturunan Melayu menyerang dan membakar Pejabat Daerah dan rumah-rumah pegawai kerajaan di Daerah Jaha, Negeri Yala.

<sup>88</sup> "Haji Bulat dan Kumpulannya mendakwa sebagai orang kebal di Monthon Patani tahun 1909" Dokumen Rama V No. Mo. 49/41, National Archives, Bangkok.

<sup>89</sup> Laporan Prince Damrong Rajanubhap kepada Raja Rama V bertarikh 20 Ogos 1909, Dokumen Rama V No. Mo.

Kemudian berlaku kali kedua pada 3 September 1911 dengan kedua-dua pihak bertempur di Mukim Chikna, Daerah Jaha. Dalam pertempuran tersebut kedua-dua pihak telah mengalami kecederaan dan kematian. Insiden ini dianggap lebih serius dari insiden yang berlaku pada tahun 1909.<sup>90</sup>

Insiden ketiga, insiden ini berlaku pada 1 Februari 1922. Sesetengah sumber menyebutkan insiden ini dengan nama "*Pemberontakan Nasa 1922*", kerana insiden ini berlaku di sebuah perkampungan Melayu yang bernama Kampung Nasa. Kampung ini terletak dalam Daerah Rakak atau Mayo, Wilayah Pattani. Dalam insiden ini sekali lagi pihak kerajaan dapat mematahkan penentangan dari penduduk Melayu.<sup>91</sup> Walaupun insiden ini dianggap sebagai insiden penentangan kerajaan Siam. Tetapi terdapat satu fakta yang menyatakan insiden ini berpunca dari pasukan polis yang memasuki Kampung Nasa pada waktu malam untuk berjumpa Sdr. Salleh, seorang penduduk kampung tersebut. Kebetulan di rumah Sdr. Salleh hanya isterinya yang bernama Puan Nik Yong sahaja yang berada. Kemudian Puan Nik Yong meminta izin dari pihak pasukan polis tersebut untuk pergi memberitahu kepada Sdr. Salleh, sebaliknya Puan Nik Yong pergi memberitahu kepada penduduk kampung. Kemudian penduduk kampung tersebut menyerang pasukan polis yang menunggu di rumah Sdr. Salleh. Dalam keadaan itu pasukan polis tersebut mendapat bantuan dari pasukan polis lain

49/41, National Archives, Bangkok

<sup>90</sup> Laporan Phraya Sri Sahathep kepada Prince Prachinkittibodi bertajuk Orang Kebal merompak Pejabat Daerah Yaha No. 492/5042 bertarikh 14 September 1911, Dokumen Rama VI No. Mo. 22/3 National Archives, Bangkok.

<sup>91</sup> Laporan Phra Nontamontalol kepada Chao Phraya Yomraj, Menteri Dalam Negeri bertarikh 5 Mac 1922, Dokumen Rama VI No. Mc. 22/13, National Archives, Bangkok

sehingga berjaya mematahkan serangan tersebut.<sup>92</sup> Dalam insiden ini terdapat 15 orang penduduk kampung telah dijatuhkan hukuman penjara.

Insiden keempat, insiden ini berlaku di Kampung Belukar Samak,<sup>93</sup> Daerah Bachok, Wilayah Narathiwas pada 9 September 1947. Insiden ini diketuai oleh Pak Tam @ Hitam, dalam penentangan kerajaan kali ini pihak penduduk Melayu telah membunuh Leftenan Thun Tangsuratna, Ketua balai polis Daerah Bachok. Dengan demikian polis telah mematahkan penentangan tersebut dengan membakar rumah-rumah penduduk Kampung Belukar Samak. Dalam insiden ini satu sumber menyatakan Penduduk Melayu sebanyak 40 keluarga telah hilang tempat kediaman.<sup>94</sup> satu sumber yang lain menyatakan rumah-rumah penduduk Kampung tersebut telah dibakar sebanyak 29 buah.<sup>95</sup>

Sebelum insiden ini, berlaku penentangan kerajaan Siam di Daerah Bachok iaitu terdapat seorang penentang yang bernama "Awang Sedo". Penduduk Melayu menganggap beliau sebagai simbolik penentangan kerajaan di sekitar Daerah Bachok dan daerah berhampiran dengannya sehingga sekarang. Dalam hal kekebalan Awang Sedo ini, Leftenan Jeneral Khun Phantaraksarajdej,<sup>96</sup> salah seorang pegawai polis yang mengetuai pasukan polis yang berjaya menangkap

<sup>92</sup> Laporan Phra Thuranaï Wakil Pesuruhjaya Monthon Patani kepada Kementerian Dalam Negeri No.42 bertarikh 1 Februari 1922, Dokumen Rama VI No. Mo.22/13, National Archives, Bangkok.

<sup>93</sup> Pengkaji telah beberapa kali melawat Kampung Belukar Samak di Daerah Bachok Wilayah Narathiwas salah satu dari lawatan tersebut adalah bersama rombongan pelajar-pelajar UKM di bawah pimpinan Prof. Madya Dr. Nik Anuar Nik Mahmud sekitar tahun 1998.

<sup>94</sup> A. Bangnara op.cit. Muka 100-101

<sup>95</sup> Muhammad Kamal K. Zaman, Fatani 13 Ogos, Pattani, 1996 Muka 22

<sup>96</sup> Lihat insiden ini dalam Khun Phantaraksarajdej (Lef. General), Raja Kechik : Khun Phan Dab Daeng.

Awang Sedo mengatakan peluru tidak dapat menembusi kekebalan kulit Awang Sedo. Beliau telah menembak sebanyak 9 das ke dalam mulut Awang Sedo. Tetapi peluru tersebut tidak dapat mencederakannya, sebaliknya Awang Sedo telah mengeluarkan peluru-peluru tersebut dari mulutnya. Awang Sedo mati setelah beliau meminum air api.

Insiden kelima, dalam insiden ini berlaku pertempuran di antara kedua pihak yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman atau Tok Perak. Insiden ini terjadi pada 26-29 April 1948 di Kampung Dusun Nyior, Daerah Tanjung Mas, Wilayah Narathiwat sekarang sekitar kawasan tersebut terletak dalam Daerah Chanaek yang telah dipecahkan dari Daerah Tanjung Mas. Dalam pertempuran tersebut, kedua-dua pihak mengalami kecederaan dan kematian. Tetapi jumlah penduduk Melayu lebih banyak menjadi mangsa.

Dalam insiden ini satu fakta menyatakan insiden ini berlaku kerana pihak kerajaan salah faham terhadap gerakan penduduk Melayu di kawasan tersebut. Pada hakikatnya mereka itu sedang menjalankan latihan untuk mempersiapkan diri bagi menentang anggota Parti Komunis Malaya bukan kerajaan Thailand.<sup>97</sup> Tetapi satu fakta lagi menafikan dakwaan tersebut dengan menyatakan penduduk keturunan Melayu tersebut memang menentang kezaliman kerajaan Thailand bukan Parti Komunis Malaya.<sup>98</sup>

( Bangkok : Thamma Publication ,1996 ).

<sup>97</sup> Ahmad Fathy al-Fatani (2000) op. cit. Muka 147-149

<sup>98</sup> Lihat Abdullah C.D. ,Perang Anti British dan Perdamaian ; Abu Samah Mohd. Kassim ,Sejarah dan Perjuangan

Insiden keenam, Insiden ini ialah tunjuk perasaan membantah kerajaan Thailand secara besar-besaran di wilayah Pattani. Insiden ini berpunca dari anggota tentera laut atau marine yang menjalankan tugas di Selatan Thailand telah membunuh penduduk Melayu sebanyak 5 orang. Peristiwa ini terbongkar kerana Sdr. Seman, seorang budak berumur 15 tahun yang mengikut kelima-lima mangsa tersebut hanya cedera kerana belum sampai ajalnya. Pembunuhan ini berlaku di jambatan kota yang menjadi sempadan Daerah Bachok, Wilayah Narathiwat dengan Daerah Saiburi atau Teluban Wilayah Pattani pada 29 November 1975. Pergerakan penduduk Melayu dibawah sebuah badan yang bernama *Pusat Pembela Rakyat* telah mengadakan tunjuk perasaan di hadapan pejabat gubernor wilayah Pattani pada 11 Disember 1975. Kemudian terdapat sebiji bom yang telah dilemparkan dari tingkat atas dari pejabat gubernor tersebut ke arah petunjuk perasaan. Bom tersebut menyebabkan 11 orang Melayu meninggal dunia dan lebih dari 30 orang tercedera. Dengan itu pihak Pusat Pembela Rakyat telah memindah tempat tunjuk perasaan dari hadapan pejabat gubernor wilayah tersebut ke Masjid Jami' iaitu masjid besar atau masjid pusat bagi wilayah Pattani. Dalam tunjuk perasaaan ini akhirnya kerajaan telah akur dengan tuntutan penduduk Melayu pada 24 Januari 1976. Tunjuk perasaan ini boleh dianggap sebagai tunjuk perasaan yang paling besar dan paling lama di wilayah-wilayah Melayu dengan memakan masa selama 45 hari. Sutham Saeng-Prathum menyatakan tujuk persaan ini adalah yang paling besar selain dari tunjuk perasaan menggulingkan Jeneral Thanom Kittikhachon pada 14 Oktober 1973.

Setelah peristiwa ini, berlaku pembunuhan beberapa pemimpin tunjuk perasaan tersebut. Masih terdapat beberapa pembunuhan penduduk yang menentang kerajaan di Selatan Thailand. Pembongkaran pembunuhan ini yang menyatakan mangsa pembunuhan di antara tahun 1973-1976 adalah dianggarkan sebanyak lebih dari 3,000 orang.<sup>99</sup> Jumlah ini memang termasuk penduduk Melayu di wilayah-wilayah Melayu. Pembunuhan dengan cara yang agak zalim iaitu selain dari tembak mati ialah dengan menendang mangsa ke dalam bukit bukau dari helikopter dan membakar mangsa hidup-hidup di dalam gelen minyak petro. Pembunuhan dengan cara membakar ini dikenali dengan "*Phao Thang Daeng*".<sup>100</sup>

Terdapat satu lagi pembongkaran iaitu pihak balai polis akan mengeluarkan sepucuk surat kebenaran untuk sesiapa yang ingin membunuh seorang penduduk Melayu tanpa kesalahan. Surat kebenaran ini hanya dibayarkan setem sebanyak 1 Baht atau 1 Kup (lebih kurang 10 Sen Malaysia). Dengan itu surat tersebut dikenali dengan nama surat "*SeKup Seekor*"<sup>101</sup> iaitu dengan hanya 1 Kup atau 1 Baht dapat membunuh seorang penduduk Melayu tanpa kesalahan. Pricha Saeng-Uthai, seorang wartawan keturunan Thai adalah orang yang membongkar surat kebenaran tersebut. Di atas kezaliman ini menyebabkan Suchip Na Songkhla, seorang lagi penulis keturunan Thai yang bersimpati dengan penduduk Melatyu telah mengarang sebuah Novel dengan berjudul "*SeKo' Saeko*".

<sup>99</sup> Majalah Culture and Art, Bulan Julai 2000 Muka 160

<sup>100</sup> Sutham Saeng-Prathum, Kerd Deuan Tula, Majalah Mingguan Matichon, 10-16 Disember 2001.

<sup>101</sup> Prachatiptai 5 Januari 1976.

## **Kesimpulan**

Kerajaan Thailand telah menjalankan beberapa dasar Siamisasi terhadap penduduk Melayu di Selatan Thailand. Dasar-dasar tersebut dijalankan semenjak zaman Raja Rama V seperti dasar Siamisasi melalui pengembangan pendidikan ke wilayah-wilayah Melayu dengan penubuhan sekolah kerajaan di wilayah-wilayah tersebut. Kemudian pihak kerajaan telah menekankan lagi pendidikan kerajaan dengan melaksanakan undang-undang pendidikan Sekolah Rendah tahun 1921. Beberapa tahun kemudian kerajaan telah menjalankan dasar Siamisasi melalui pendidikan Tadika atau Anubal dan perubahan status pondok tradisional kepada sekolah agama rakyat yang diserapkan dengan kurikulum kerajaan. Dasar Siamisasi yang paling menggugat identiti Melayu ialah dasar Thairattaniyom. Dasar Siamisasi ini telah menukarkan status penduduk Melayu dari berbangsa Melayu kepada berbangsa Thai atau Thai Muslim. Begitu juga dengan dasar divide and rule atau pecah dan perintah, kerajaan telah berjaya menjalankan dasar tersebut dalam pentadbiran pemerintahan. Bagi dasar Siamisasi melalui kehakiman juga kerajaan telah berjaya masuk campur dalam hal ehwal tersebut. Setelah mendapat penentangan dari penduduk Melayu kerajaan telah menjalankan beberapa rancangan untuk menyelesaikan masalah masyarakat Melayu di wilayah-wilayah Melayu.